



SELANGOR

PERCUMA 2 - 9 Oktober 2015, 18 - 25 Zulhijjah 1436 www.selangorku.com



AKSI...

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali melakukan luncuran udara secara solo sempena Majlis Pelancaran Coffee Table Book Permatang Kuarza Gombak bertempat di Tapak Rekreasi Empangan Klang Gates pada 28 September lalu.



Gambar oleh Asri Sapie

Persekutuan wajib bertindak

Malaysia bertaraf 'status sampah'

KUALA LUMPUR - Kerajaan Persekutuan patut bertindak menangani persepsi buruk yang diterima negara selepas penarafan 'status sampah' (junk status) oleh pelabur yang meletakkan Malaysia setaraf Brazil.

Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz, berkata langkah sama seperti ketika negara berdepan krisis kewangan Asia pada 1998 perlu diambil bagi menjelaskan situasi sebenar kepada pelabur.

"Ia bukan dilakukan agensi penarafan. Ia bergantung kepada kita untuk menyampaikan cerita kita kepada pasaran. Sama seperti apa kita lakukan sebelum ini."

"Ketika krisis kewangan Asia, banyak perkara diperkatakan berkenaan Malaysia, tapi kurang setahun selepas krisis itu, kita beritahu kepada dunia cerita kita," katanya, pada 28 September lalu.

Zeti berkata, pelabur berupaya me-

nilai sendiri kekuatan negara dengan mengambil langkah itu.

"Ini yang kita mesti lakukan. Jadi, pelabur lihat bagaimana kita menilai situasi dan seterusnya membuat penilaian mereka sendiri," katanya dipetik The Malaysian Insider.

Minggu lalu, agensi berita Bloomberg melaporkan, pelabur melihat enam negara membangun termasuk Malaysia layak diturunkan penarafan kepada 'status sampah' (junk status) sama seperti Brazil berdasarkan data daripada agensi penarafan Moody's Corp.

Moody juga meletakkan Malaysia pada gred A3, tapi pelabur melihat ia sepatutnya lebih rendah 6 tahap pada Ba3 iaitu sedikit lebih buruk daripada Peru menurut pandangan mereka yang memberikan negara itu gred Ba2, minggu lalu.

Pelabur melihat Malaysia lebih baik

Minggu lalu, agensi berita Bloomberg melaporkan, pelabur melihat enam negara membangun termasuk Malaysia layak diturunkan penarafan kepada 'status sampah' (junk status) sama seperti Brazil berdasarkan data daripada agensi penarafan Moody's Corp.

satu anak tangga berbanding Afrika Selatan pada gred peminjam B1 dan sedikit lebih baik daripada Bahrain, Turki dan Kazakhstan pada gred B2 dengan Data Moody menjelaskan gred Ba1 hingga B3 sebagai kategori sampah (junk).

Negatif pada ekonomi negara

SHAH ALAM - Pihak berwajib perlu memberi penjelasan kepada pelabur dan rakyat ekoran penurunan penarafan yang diberikan terhadap Malaysia sebagai 'status sampah' (junk status) oleh pelabur.

Tokoh Perbankan, Datuk Seri Nazir Razak melahirkan kebimbangan itu kerana ia memberi persepsi negatif pelabur terhadap ekonomi negara.

"Ia disyaki disebabkan banyak liputan negatif di Wall Street Journal, Financial Times dan New York Times. Semua 'pemodal' membaca berita itu sekurang-kurangnya satu walaupun tidak semua," kata adik Perdana Menteri itu di akaun Instagram miliknya, pada 24 September lalu.

Katanya, tindakan segera untuk mengubah persepsi itu perlu dilakukan dengan memberikan penjelasan atau tindakan perundungan bukan hanya membiarkan isu yang dibicarakan itu berlalu.

Walaupun Nazir tidak memberikan isu spesifik yang memberikan persepsi negatif itu, namun negara dalam perhatian antarabangsa khususnya skandal 1Malaysia Development Bhd (1MDB) yang membabitkan reputasi abangnya, Datuk Seri Najib Razak yang juga Menteri Kewangan.

Najib juga di bawah pemerhatian antarabangsa apabila isu 'derma' RM2.6 bilion yang dimasukkan ke dalam akaun peribadi miliknya.

Ringgit terus menjunam

Najib 'relaks' tiada tindakan konkrit

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM -Tiada sebarang tanda kejatuhan nilai ringgit akan berhenti, bahkan Kerajaan Persekutuan seolah-olah menganggap isu itu sebagai remeh.

Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak terlalu 'relaks' tanpa berusaha memberi keyakinan kepada rakyat di sebalik kegawatan ekonomi yang semakin parah.

Katanya, keadaan itu memberi kesan buruk kepada rakyat berpendapatan rendah jika kerajaan masih berdiam diri dan tidak mengambil langkah drastik.

"Perdana Menteri berada di New York sekarang. Saya tidak faham mengapa beliau berada di situ berbanding memberi tumpuan kepada masalah rakyat.

"Bagaimana pemimpin boleh membiarkan rakyatnya berada



Charles Santiago

dalam kesusahan? Ia tindakan tidak bertanggungjawab dan Perdana Menteri relaks dalam isu ini," katanya kepada Selangor Kini.

Pada masa sama, Charles berkata, dasar ekonomi terbuka diamalkan di Malaysia memberi risiko kepada peningkatan harga barang import termasuk

ubat-ubatan.

Katanya, rakyat yang ingin menerima rawatan di hospital atau klinik kerajaan juga terpaksa membayar harga lebih tinggi untuk perkhidmatan.

"Isu ini juga berkait dengan perusahaan kecil dan sederhana yang terpaksa menambah kos untuk membeli bahan mentah atau mesin dan alat ganti dari luar negara.

"Rakyat terjejas, namun sehingga hari ini kita tidak nampak mana-mana menteri mengeluarkan rancangan mengatas-i si masalah ini," katanya.

Ringgit Malaysia terus jatuh ke tahap paling lemah sejak 2005, di tengah-tengah siasatan berhadap dakwaan salah guna dana Perdana Menteri dan kini berada pada paras RM4.47 berbanding dolar Amerika, sehingga jam 3.30 petang, pada 29 September lalu.

Rakyat yang ingin menerima rawatan di hospital atau klinik kerajaan juga terpaksa membayar harga lebih tinggi untuk perkhidmatan.

"Al-Fatihah. Semoga Allahyarham Zulkifly yang meninggal dunia di Mina akan beroleh husnul khatimah dan rohnya ditempatkan di Syurga.

"Saya difahamkan Allahyarham Zulkifly menetap di Taman Ukay Bistari, Hulu Kelang. Semoga keluarga sabar dan tabah menghadapi ujian ini.

"Kami mendoakan semoga isteri Allahyarham Zulkifly, Puan Surianim sabar menghadapi ujian ini dan selamat pulang," tulisnya melalui akaun twitter @AzminAli, pada 28 September lalu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr



Allahyarham Zulkifly Samad

Asyraf Wajdi Dusuki, berkata Tabung Haji (TH) dalam makluman awalnya mengesahkan tiada jemaah haji Malaysia terbabit dalam rempuhan itu berdasarkan pengesahan daripada waris dan maklumat awal penempatan.

Asyraf Wajdi berkata, petugas TH memulakan usaha mencari Zulkifly di sekitar Kompleks Jamarat dan hospital berdekatan di Mina selepas menerima aduan Surianim.

"Sejurus mendapat laporan, pasukan perubatan TH melakukan tinjauan di rumah mayat Muaissem dan mereka menemui satu jenazah sempurna rakyat Malaysia yang dilaporkan hilang dalam kejadian itu," katanya dalam satu kenyataan.

Khir Toyo dipenjara setahun

SHAH ALAM - Mahkamah Persekutuan mengekalkan hukuman penjara 12 bulan kepada bekas Menteri Besar Selangor, Dr Mohamad Khir Toyo atas tuduhan menggunakan kuasa untuk memperoleh tanah dan sebuah banglo, di sini, pada 2007.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksian yang memperuntukkan hukuman maksimum penjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Pada 22 September lalu, panel lima hakim Mahkamah Persekutuan yang dipengerusikan Hakim Besar Malaya Tan Sri Zulkefli Ahmad Makinudin mengekalkan sabitan terhadap Mohamad Khir tetapi menangguhan keputusan berkenaan hukuman, pada 29 September lalu.

Mahkamah Persekutuan turut mengekalkan perintah Mahkamah Tinggi supaya hartanah terbabit dilucut hak dan diserahkan kepada kerajaan.



Sebelum ini, Mahkamah Tinggi Shah Alam mendapati Mohamad Khir bersalah kerana memperoleh untuk diri dan isterinya, Zahrah Kechik, dua lot tanah dan sebuah banglo itu daripada Ditamas Sdn Bhd melalui pengarahnya, Datuk Shamsuddin Hayroni.

Hartanah itu dibeli pada harga RM3.5 juta tetapi Ditamas membayar RM6.5 juta untuk hartanah itu, pada 23 Disember 2004.

Bekas ADUN Sungai Panjang itu didakwa melakukan kesalahan itu di kediaman rasmi menteri besar di Jalan Permata 7/1, Seksyen 7, di sini, pada 29 Mei 2007.



Gambar dari Internet

Jemaah haji Malaysia terkorban di Mina MB ucap takziah kepada keluarga

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga jemaah haji Malaysia, Zulkifly Samad, yang disahkan terkorban dalam insiden rempuhan di Mina pada 24 September lalu.

Allahyarham Zulkifly, 50, berasal dari Johor dan beralamat di Taman Ukay Bistari, Ampang, adalah jemaah tunggal disahkan meninggal dunia selpas isteri beliau, Surianim Abd Hamid, 40, membuat laporan kepada Tabung Haji (TH) apabila suaminya tidak pulang ke khemah, kira-kira jam 11.00 malam waktu tempatan.

"Al-Fatihah. Semoga Allahyarham Zulkifly yang meninggal dunia di Mina akan beroleh husnul khatimah dan rohnya ditempatkan di Syurga.

"Saya difahamkan Allahyarham Zulkifly menetap di Taman Ukay Bistari, Hulu Kelang. Semoga keluarga sabar dan tabah menghadapi ujian ini.

"Kami mendoakan semoga isteri Allahyarham Zulkifly, Puan Surianim sabar menghadapi ujian ini dan selamat pulang," tulisnya melalui akaun twitter @AzminAli, pada 28 September lalu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr

Proaktif tangani jerebu serantau

SHAH ALAM - Kerajaan Malaysia patut mengambil langkah proaktif selaku Pengerusi ASEAN untuk menangani masalah jerebu yang sedang melanda beberapa negara dengan lebih efisyen.

Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Mohammad Raimi Abd Rahim, berkata masalah jerebu yang melanda negara menjelaskan kualiti kehidupan harian rakyat.

Katanya, peningkatan IPU memberikan kesan negatif terhadap kesihatan kerana pencemaran jerebu membawa asap bahan lain ketika bertiup dari kawasan pembakaran seperti alergen, toksik, mikrob dan partikel.

"Memandangkan jerebu adalah masalah serantau, ABIM mendesak kerajaan Malaysia yang juga Pengerusi ASEAN menyelesaikan isu ini secara tuntas dan tegas dalam Persidangan ASEAN akan datang.

"ABIM juga menuntut penegasan Kerajaan Malaysia untuk melaksanakan ketetapan digariskan melalui Perjanjian ASEAN berkenaan Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan.

"Perjanjian itu antara lain menetapkan setiap negara anggota perlu bekerjasama memantau serta bertukar maklumat untuk melancarkan penyelaras-an tindakan bagi menghadapi masalah jerebu," katanya dalam satu kenyataan.

MB santuni masyarakat Sabak Bernam

OLEH NAZLI IBRAHIM

SABAK BERNAM - Amalan mendekati dan menyelami kehidupan rakyat akar umbi diteruskan apabila Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali turun ke daerah Sabak Bernam dalam Program Qurban Perdana Dato' Menteri Besar sempena sambutan Hari Raya Aidiladha, pada 25 September lalu.

Mohamed Azmin yang tiba seawal jam 9.00 pagi sempat meluangkan masa di empat lokasi sekitar Sabak Bernam iaitu Masjid Ubudiah Sungai Air Tawar, Masjid Sultan Muhammad Shah Parit 10, Mahaad Tahfiz Turoth Bagan Terap dan Masjid Jamek Sultan Hishamuddin Pekan Sabak.

Walaupun terikat dengan jadual program, Mohamed Azmin tetap tidak melepaskan peluang bagi mendekati rakyat untuk bertanya khabar.

Mohamed Azmin bersama penduduk tempatan juga sempat bergotong-royong mela-pah daging lembu korban dan membantu memasak untuk ja-

muan pada tengah harinya.

Mohamed Azmin ketika berucap di Masjid Jamek Sultan Hishamuddin turut mengumumkan peruntukan RM16,000 kepada masjid berkenaan bagi membentuk pembelian set kipas angin baru.

Beliau kemudian diberikan taklimat khas berkenaan projek pembangunan Maahad Tahfiz Bagan Terap yang menempatkan kira-kira 600 pelajar ketika mengadakan lawatan ke sana.

Program itu berakhir dengan Majlis Jamuan Rakyat selepas Solat Jumaat di Masjid Jamek Sultan Hishamuddin, Pekan Sabak yang turut dihadiri Exco Hal Ehwal Agama, Jawatankuasa Adat Melayu, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi dan Adun Sabak, Sallehen Mukhyi.

"Sambutan penduduk tempatan begitu menggalakkan. Saya percaya dengan adanya program sebegini mampu mengeratkan lagi hubungan sesama masyarakat dan Kerajaan Negeri," katanya.



Permatang Kuarza Gombak sasar pengiktirafan UNESCO

GOMBAK - Kerajaan Selangor mensasarkan Permatang Kuarza Gombak di Empangan Klang Gates, di sini, diiktiraf sebagai tapak warisan dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO).

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata langkah awal untuk menjadikan kawasan itu sebagai tapak warisan kebangsaan sudah dimula dan diluluskan mesyuarat Exco, pada Jun 2013.

Katanya, aset geologi dimiliki kuarza itu mempunyai nilai tinggi dan boleh ditarafkan sebagai warisan rantau melebihi taraf kebangsaan.

"Kerajaan Negeri mahu Permatang Kuarza ini bukan sahaja diiktiraf sebagai tapak warisan kebangsaan, tetapi menjadi tapak warisan dunia dalam ka-

tegori warisan semula jadi.

"Ia berikutnya, kawasan ini adalah tembok batuan semula jadi luar biasa di pinggir Banjaran Titiwangsa yang membentuk permatang terpanjang di dunia iaitu 14 kilometer dengan kelebaran 50 meter.

"Kawasan ini juga memiliki 265 spesies tumbuh-tumbuhan yang menjadikan kuarza sebagai habitat mereka," katanya pada Majlis Pelancaran Buku 'Coffee Table' Permatang Kuarza Gombak Selangor di Tapak Rekreasi Empangan Klang Gates, pada 28 September lalu.

Buku itu bertujuan memastikan hasil penemuan dengan kepelbagaiannya biologi dan geologi di kawasan berkenaan dijadikan rujukan pihak berkepentingan serta tatapan generasi akan datang.

Ia juga bakal dijadikan do-

kumen sokongan untuk membantu kawasan itu mendapat pengiktirafan tapak warisan kebangsaan dan tapak warisan dunia oleh UNESCO.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata Kerajaan Negeri di bawah program Warisan Selangor berhasrat menjadikan tiga kawasan lain sebagai tapak warisan kebangsaan meliputi Kuala Kubu Bharu, Bukit Melawati dan Bandar Diraja Klang.

"Kerajaan Negeri memastikan tapak warisan bernilai tinggi terus dipelihara dan dipulihara untuk diangkat sebagai pengiktirafan negara juga dunia.

"Ia harus dikekalkan dan dirancang secara holistik tanpa ada unsur pencorobohan yang boleh menggugat dan menghilangkan warisan yang terbentuk jutaan tahun dahulu," katanya.

Mitigasi 2 atasi gangguan air

GOMBAK - Projek mitigasi 2 membabitkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa Tiga (SSP3) bakal menyelesaikan gangguan bekalan air sepenuhnya di Selangor dan Lembah Klang yang akan siap, pada Oktober ini.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata Kerajaan Negeri juga memberi jaminan catuan air tidak berulang hingga menyukarkan pengguna.

Katanya, projek itu membantu menyalurkan air bersih ke selatan Selangor bagi menampung permintaan tinggi di kawasan terbabit.

"Isu air sudah selesai dan tindakan proaktif sudah diambil untuk memastikan tiada lagi masalah bekalan air terputus.

Saya yakin masalah air akan selesai," katanya selepas merasmikan buku 'Coffee Table' Permatang Kuarza Gombak di Tapak Rekreasi Empangan Klang Gates, pada 28 September lalu.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata pengambilalihan operasi Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) dan Puncak Niaga bakal menyelesaikan masalah bekalan air, pada 15 Oktober ini.

"Apabila selesai, Air Selangor meneliti semula sistem pengagihan supaya ia memenuhi permintaan bukan sahaja domestik atau industri tetapi keseluruhan. Jadi, ini antara langkah aktif yang kita ambil dan percaya ia dapat ditangani dengan baik," katanya.



Selangor negeri rakyat

OLEH NAZLI IBRAHIM

SABAK BERNAM - Pembabitan rakyat secara langsung dalam pembangunan Selangor adalah usaha Kerajaan Negeri yang menginsafi hak mereka ke atas kemakmuran sedia ada.

Dato' Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali, berkata ia mewujudkan 'sense of ownership' di hati rakyat negeri itu, namun situasi terbabit berbeza di peringkat Persekutuan

yang meminggirkan idea dan kepentingan mereka dalam usaha memperoleh keuntungan maksima pihak tertentu.

"Bila terbabit secara langsung, maka ada rasa 'sense of ownership' iaitu Selangor negeri mereka tetapi ia tidak berlaku di peringkat Persekutuan apabila rakyat rasa itu 'bapak dia punya'.

"Jadi, rakyat rasa ada masalah dan tak dapat menyertai pembangunan. Khazanah negara

tidak dapat dikecapi dan pembangunan hanya dalam kalangan segelintir di Putrajaya. Ini masalah kita hari ini," katanya kepada Selangor Kini.

Beliau berkata demikian pada Program Qurban Perdana Dato' Menteri Besar di Daerah Sabak Bernam di Masjid Jamek Sultan Hishamuddin, Pekan Sabak, di sini, baru-baru ini.

Katanya, keadaan itu menjadikan setiap rakyat memiliki kemauan untuk bersama me-

mikul tanggungjawab memakmurkan Selangor dan pertambahan rizab sehingga RM3.7 bilion juga satu kejayaan yang dikongsi Kerajaan Negeri bersama mereka.

"Ini terjadi apabila rakyat menyedari kemakmuran negeri turut mempengaruhi kemakmuran hidup keluarga mereka. Kita pulangkan balik kepada rakyat dalam bentuk pembangunan melalui tambahan rizab kerana ini hak mereka," katanya.



Klang Gates kawasan 'rayau' MB

GOMBAK - Zaman kanak-kanak tetap diingati lantaran dipenuhi dengan permainan, sejarah dan nostalgia yang menjadi kenangan manis buat mereka yang sudah dewasa.

Seperti individu lain, Mohamed Azmin Ali turut mempunyai pengalaman sendiri dalam meniti kehidupan sebelum bergelar pemimpin disegani dan dihormati.

Dato' Menteri Besar itu berkata, Klang Gates adalah kawasan 'rayau'nya lebih 40 tahun lalu dan menjadi tempat kegemaran untuk bermain bersama rakan pada hujung minggu.

"Ini adalah kawasan rayau saya sebenarnya, di belakangnya ada palung air panjang untuk bermain setiap hari. Saya akan berlari dari hujung ke hujung yang lain kerana dulu tiada ipad atau kafe siber

"Saya akan berlari dari hujung

ke hujung yang lain kerana dulu tiada ipad atau kafe siber," katanya pada Majlis Pelancaran Buku 'Coffee Table' Permatang Kuarza Gombak, di sini, pada 28 September lalu.

Mohamed Azmin berkata, kawasan itu juga pernah menjadi kebun beliau sekeluarga untuk bercucuk tanam seperti pisang, serai dan daun pegaga.

Beliau bersama rakan juga gemar memancing di empangan walaupun itu adalah kesalahan dan pulang ke rumah untuk makan tengah hari.

"Saya bukan dari keluarga bangsawan atau senang, sebaliknya dilatih untuk belajar hidup susah. Atas kesusahan itu, saya berada di posisi hari ini untuk memahami betapa susahnya rakyat yang perlu mendapat pembelaan," katanya.

“
Ini adalah kawasan rayau saya sebenarnya, di belakangnya ada palung air panjang untuk bermain setiap hari. Saya akan berlari dari hujung ke hujung yang lain kerana dulu tiada ipad atau kafe siber

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

Putrajaya dalam bayangan

SABAK BERNAM - Ada sesuatu sentiasa terbayang-bayang di fikiran Mohamed Azmin Ali selepas setahun dilantik sebagai Dato' Menteri Besar Selangor, pada 23 September 2014.

Mohamed Azmin berkata bayangan itu semakin jelas di fikirannya apabila barisan kepimpinan Kerajaan Negeri berjaya membuktikan kemampuan mentadbir sebuah kerajaan dengan penuh amanah, bertanggungjawab dan cekap.

"Apa yang saya sentiasa terkenang-kenang, terbayang-bayang adalah hasrat kita nak ke Putrajaya. Insya Allah, boleh tercapai tetapi hanya boleh dilaksanakan kalau kita dapat tunjukkan perpaduan dan keupayaan membangunkan ekonomi negeri.

"Jika berjaya, boleh jadikan Selangor sebagai model di peringkat nasional iaitu kita mampu mentadbir dan mengurus sebuah negara dengan penuh bertanggungjawab," katanya, kepada Selangor Kini, di sini, pada 25 September lalu.

Mohamed Azmin turut menekankan kesedaran rakyat apabila jelas kecurangan dilakukan pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional dalam mentadbir dan mengurus dana awam.

Beliau berkata, rakyat harus bertanggungjawab untuk memilih kerajaan yang mampu memacu negara ke arah lebih baik, berbanding pentadbiran sedia ada yang membawa ke kancang masalah khususnya ekonomi.

Puas hati dapat selesai masalah rakyat

SABAK BERNAM - Kepuatan sehari bekerja lenyap begitu sahaja apabila yang diimpikannya berjaya dilaksanakan, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Katanya, kepuasan itu muncul bukan disebabkan dapat memiliki sesuatu tetapi apabila berjaya menyelesaikan masalah dihadapi rakyat.

Mohamed Azmin, berkata antara kejayaan yang memberi kepuasan kepada beliau apabila Kerajaan Negeri berjaya melancarkan pembinaan hampir 20,000 unit rumah mampu milik untuk penduduk negeri terkaya itu dalam tempoh kurang setahun.

"Antara yang menjadi dorongan untuk sayateruskan berkhid-

mat apabila Exco, Adun dan Pegawai Kerajaan beri sokongan cukup padu. Saya gembira dan rasa cukup puas bila masalah rakyat berjaya diselesaikan seperti pendidikan dan perumahan kerana ia agenda besar Kerajaan Negeri," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Qurban Perdana Dato' Menteri Besar Selangor ke Sabak Bernam sempena Hari Raya Aidil Adha di Masjid Jamek Sultan Hishamuddin, Pekan Sabak di sini, pada 25 September lalu.

Katanya, Kerajaan Negeri turut menumpukan pembangunan di kawasan luar bandar dengan 'membandarkan' masyarakat desa dengan pelbagai prasarana diperlukan.

Kuning haram, merah halal

Dedah sikap sebenar polis



Oleh LIZAWATI MADFA

KUALA LUMPUR - Sikap dwi-standard polis mengharamkan perhimpunan Bersih 4 walaupun selaras dengan perlembagaan diselar Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, perhimpunan Himpunan Rakyat Bersatu atau Baju Merah tanpa objektif jelas mendapat restu dan kebenaran pihak berkuasa.

Lebih menjelekkan, Mohamed Azmin

berkata perhimpunan yang turut dihadiri pimpinan Umno itu dipenuhi provokatif perkauman dan agama yang sempit.

"Perhimpunan itu terbukti berlaku insiden yang tidak diingini dan boleh mencecah ketegangan kaum juga agama. Berbeza dengan Bersih 4 yang bukan sahaja jelas matlamatnya tetapi berlangsung dengan penuh aman, tenteram dan disiplin."

"Tetapi mengapa polis tidak profesional dengan mengharamkan kuning dan halalkan merah," katanya di Ibu Pejabat Daerah

Dang Wangi, di sini, pada 18 September lalu.

Timbalan Presiden PKR itu juga berkata, tekanan polis tidak akan melemahkan semangat Pakatan Rakyat membela nasib rakyat.

"Kita akan terus berjuang untuk menyuburkan demokrasi dalam usaha menyelamatkan negara dan ekonomi. Rakyat juga tidak perlu gentar dengan segala tekanan juga ugutan yang dikenakan dan terus bersama bagi membuat perubahan," katanya.

Kenang perjuangan Anwar, kekal semangat muafakat

BATU CAVES - Pakatan Rakyat (Pakatan) harus mengekalkan semangat muafakat dalam usaha menumbangkan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya akan datang demi memenuhi aspirasi rakyat yang dahagakan perubahan.

Timbalan Presiden PKR, Mohamed Azmin Ali mengakui Pakatan kini berhadapan masalah namun peranan penyatuan dimainkan Ketua Umum parti itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu dikenang kerana berjaya membentuk gabungan pembangkang yang kuat.

Katanya, PKR perlu memainkan peranan mengukuhkan Pakatan yang dahulunya dibina sebagai Barisan Alternatif (BA) dengan pendekatan inklusif dan sederhana dalam semua perkara.

"Tidak mungkin mana-mana parti politik berjaya mengalah BN tanpa muafakat yang utuh dan kukuh. Kita tidak boleh bersendirian dan realiti sosial dalam Malaysia kena menerima hakikat dengan mengambil pendekatan inklusif juga sederhana untuk meruntuhkan BN serta mempertahankan Pakatan," katanya.

Beliau berkata, komponen Pakatan atau parti baru lain perlu mengurus muafakat dengan baik demi kelangsungan kerjasama dalam membawa perubahan.

Mohamed Azmin yang juga Dato' Menteri Besar Selangor juga berharap kerjasama dan komitmen PAS, DAP dan Parti Amanah Negara (PAN) atau individu lain yang mahu menumbangkan BN akan diper mudahkan dalam pilihan raya umum akan datang.

Pemergian Morais satu kehilangan besar Hairan suspek cepat dikesan

SHAH ALAM - Pimpinan Pakatan Rakyat menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga mendiang Timbalan Ketua Bahagian Bicara dan Rayuan Jabatan Peguam Negara, Kevin Anthony Morais susulan penemuan mayat beliau, pada 16 September lalu.

Timbalan Presiden PAS, Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata siasatan terperinci dan pendakwaan segera perlu dilakukan memandangkan mendiang antara tokoh yang terbabit dalam kes berprofil tinggi.

"Kelewatan membawa mereka yang terbabit ke muka pengadilan boleh mencemarkan imej negara. Insiden itu adalah satu musibah apabila mutakhir ini isu keselamatan negara berada di tahap kritikal

“

Kelewatan membawa mereka yang terbabit ke muka pengadilan boleh mencemarkan imej negara. Insiden itu adalah satu musibah apabila mutakhir ini isu keselamatan negara berada di tahap kritikal

TUAN IBRAHIM
Timbalan Presiden PAS

Iaku kes bunuh," katanya kepada Selangor Kini.

Sementara itu, Naib Presiden PKR, Tian Chua secara peribadi terkejut

dengan insiden berkenaan yang disifatkan sebagai perbuatan keji dan menyedihkan.

"Mendiang terbabit dalam banyak kes orang berkepentingan dan saya rasa kita tidak boleh tolak beliau menyiasat kes rasuah berprofil tinggi," katanya.

Chua berkata, beliau pernah bertemu secara peribadi dengan mendiang dalam beberapa forum dan menyifatkan Morais peguam berdedikasi dan serius dalam menjalankan tugas.

Misteri kehilangan Morais akhirnya terjawab apabila beliau ditemui mati disimen dalam satu tong dram yang ditemui di dalam parit dikelilingi semak di Taman Subang Mewah, USJ 1, Subang Jaya.

SHAH ALAM - Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Tian Chua (**gambar**) melahirkan rasa hairan ekoran polis mengenal pasti suspek kes kematian mendiang Kevin Anthony Morais dengan cepat.

Tian Chua berkata, hal itu berikutkan kes rasuah membabitkan doktor tentera ber pangkat kolonel itu bukan satu-satunya kes berprofil tinggi yang pernah dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya itu.

"Morais terbabit dengan banyak kes berprofil tinggi. Saya tidak tahu kenapa polis begitu cepat boleh kenal pasti doktor

tentera itu ada kaitan dengan kematian Morais.

"Tetapi tak apalah, kita tunggu," katanya ketika dihubungi Selangor Kini, pada 18 September lalu.

Beliau berkata, siasatan telus dan adil diperlukan bagi mengelakkkan satu lagi kes kematian penuh misteri seperti kes pembunuhan Altantuya Shaaribu.

"Polis perlu lebih berani jalankan siasatan bagi mengelakkan perasaan prejudis masyarakat awam dan berulangnya kes pembunuhan tergantung yang terjadi beberapa kali sebelum ini," katanya.



Himpunan merah jengkel, memalukan negara

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali menyifatkan himpunan baju merah yang kononnya memperjuang nasib Melayu sebagai jengkel dan memalukan negara.

Mohamed Azmin berkata, Himpunan Rakyat Bersatu jelas mencabuli prinsip Hari Malaysia yang harus dirai dengan kegembiraan sebagai satu bangsa, bahkan ia turut mendapat restu perdana menteri dan timbalannya.

"Ini adalah hari yang seharusnya rakyat bersama bergandingan sep-

erti disambut di Taman Tasik Shah Alam bagi menunjukkan perpaduan, keamanan, saling menghormati dan berkasih sayang.

"Tiada perkataan dapat menggambarkan betapa meluat dan malunya saya melihat orang Melayu dengan baju merah, lelaki dan perempuan melaung slogan serta ekspresi perkauman," katanya dalam satu kenyataan media, pada 17 September lalu.

Pada 16 September lalu, kira-kira 10,000 peserta baju merah berkumpul di beberapa lokasi sebelum bergerak ke Padang Merbok sebagai bantahan kepada Bersih

4.0 yang berlangsung, pada 29 dan 30 Ogos lalu.

Perhimpunan itu turut dihadiri pimpinan Umno antaranya Timbalan Menteri Luar, Datuk Seri Reezal Merican; Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ahmad Maslan; Ahli Parlimen Ketereh, Tan Sri Annuar Musa dan bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Mohd Ali Rustam.

Mohamed Azmin yang juga Timbalan Presiden PKR turut mempersoalkan sama ada penganjuran itu idea terbaik Umno mengembalikan maruah Melayu.

"Adakah ini idea terbaik Umno

mengembalikan maruah Melayu dengan menggerakkan ribuan peneroka Felda dan ahli parti serta membiarkan mereka seperti perusuhan untuk menghina orang lain?

"Adakah ini idea terbaik Umno menunjukkan sokongan kepada Perdana Menteri dengan mengeluarkan kenyataan anti Cina, sentimen anti DAP dan provokasi di Low Yat dan Jalan Petaling?

"Dengan mengatakan sentimen perkauman itu selaras dengan ajaran Islam, Umno sebenarnya mencalar maruah Islam dan Melayu," katanya.

“

Tiada perkataan dapat menggambarkan betapa meluat dan malunya saya melihat orang Melayu dengan baju merah, lelaki dan perempuan melaung slogan serta ekspresi perkauman

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

Baju BERSIH haram, Azmin cabar KDN

KUALA LUMPUR - Pengharuman baju-t Bersih 4 oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan dicabar di mahkamah, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata ketetapan itu diambil selepas merasakan arahan KDN itu jelek dan tidak wajar dikeluarkan.

"Saya dimaklumkan barisan peguam akan mencabar KDN terutama arahan menterinya yang tidak membenarkan pakaian berwarna kuning dengan tulisan Bersih 4.

"Ini sesuatu amat jelek dan peguam dalam proses membawa perkara ini ke mahkamah," katanya di hadapan Ibu Pejabat Polis Dang Wangi, di sini, pada 18 September lalu.

Mohamed Azmin yang berbau kuning dan selipar hadir bagi memberi keterangan berhubung kehadirannya di perhimpunan

Bersih 4 pada 29 Ogos lalu dan perkataan 'baru' yang didakwa digunakan terhadap Ketua Polis Negara (KPN) dalam satu ceramah di Permatang Pauh.

"Saya juga disiasat kerana berucap pada perhimpunan Bersih 4, pemakaian baju-t Bersih 4 selain membawa anak yang masih bersekolah ke perhimpunan itu," katanya yang disiasat di bawah Seksyen 42 F Akta Perhimpunan Aman (APA), Seksyen 41 C APA dan Seksyen 81 Akta Mesin Cetak dan Penerbitan.

Mohamed Azmin mula memberi keterangan sekitar jam 10.15 pagi dan turut ditemani barisan peguamnya, N Surendran, Datuk S Ambiga dan Latheefa Koya. selain lebih 50 penyokong.

Beliau selesai memberi keterangan dan keluar pada jam 11.50 pagi dan disambut lebih 50 penyokong dengan laungan 'reformasi'.



PKR terus inklusif

SHAH ALAM - Parti Keadilan Rakyat (PKR) akan terus bersikap inklusif tanpa menyisihkan pihak yang ingin melakukan perubahan terhadap negara.

Timbalan Presiden PKR, Mohamed Azmin Ali, berkata ia bertujuan menjaga keharmonian dalam Pakatan Rakyat (Pakatan) dengan mewujudkan kerjasama baik antara semua pihak.

"Tidak mudah menguruskan muafakat politik, tetapi PKR daripada awal mewujudkan kerjasama dengan semua parti yang mahu melakukan perubahan dan komited dengan agenda perubahan."

"Jika ada perbezaan pandangan, saya yakin kepimpinan yang ada boleh berbincang un-

tuk mencari penyelesaian demi kepentingan negara dan rakyat keseluruhannya," katanya di sini, pada 18 September lalu.

Mohamed Azmin yang juga Dato' Menteri Besar, berkata ia bertujuan menjaga keharmonian dan kerjasama yang baik dengan semua pihak. Kita bersedia untuk berbincang dengan semua pihak yang mahukan perubahan dalam negara," katanya.

"Tidak rugi kalau PKR mengetuai rundingan itu supaya diwujudkan keharmonian dan kerjasama yang baik dengan semua pihak. Kita bersedia untuk berbincang dengan semua pihak yang mahukan perubahan kepada negara," katanya.

Jangan goyah, fokus tumbang BN

BATU CAVES - Ahli PKR diingatkan tidak goyah dan kekal fokus menumbangkan Barisan Nasional (BN) yang turut berhadapan krisis kepimpinan serta kepercayaan rakyat, kata Presidennya, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Beliau berkata, rakyat menaruh kepercayaan kepada Pakatan Rakyat (Pakatan) untuk membawa perubahan berdasarkan situasi semasa, bahkan kehilangan Timbalan Pendakwa Raya, Kevin Anthony Morais yang akhirnya ditemui mati juga menunjukkan kebimbangan dalam soal keselamatan.

"Ini mengejutkan (kematian Kevin) dan menimbulkan rasa

bimbang rakyat. BN tidak boleh diharapkan lagi, maka kita jangan berpecah belah apabila melihat BN sedang goyah."

"Rakyat tidak akan memberikan undi dan sokongan, jika mereka tidak yakin kita boleh mengambil alih tumpuk pemerintahan," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan PKR Cabang Gombak 2015, di sini, pada 16 September lalu.

Pada masa sama, Wan Azizah turut menjelaskan pertemuan bersama PAS adalah bagi membincangkan beberapa perkara yang disepakati bersama, baru-baru ini.

"Kita bersama dalam isu undi



tidak percaya, negara dan sebagai satu blok pembangkang. Saya akan bertemu wakil DAP dalam masa terdekat bagi berbincang hala tuju Pakatan Rakyat seperti yang dilakukan bersama PAS dan Amanah.

Belanjawan 2016 dibentangkan 30 Oktober

OLEH AFIX REDZUAN

BATU CAVES - Belanjawan 2016 akan dibentangkan di Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 30 Oktober ini, kata Dato' Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, rizab simpanan negeri terkini berjumlah RM3.7 bilion hasil pertumbuhan ekonomi yang baik dengan pertambahan RM400 juta bagi tempoh 10 bulan tahun ini.

Mohamed Azmin berkata, beliau akan menumpukan kepada program pembangunan rakyat serta menolak segala permohonan baik pulih dan bangunan pejabat untuk Belanjawan 2016 yang masih dalam peringkat perbincangan.

"Saya mengambil ketetapan iaitu sebarang permohonan menuju atau membangunkan bangunan atau pejabat baru dan ubah suai akan ditolak serta merta kerana keutamaan adalah

pembangunan rakyat. Kita berjaya menolak RM1.1 bilion yang dipohon jabatan dan agensi bagi membangunkan pejabat.

"Dalam suasana ekonomi yang parah, kita perlu berbelanja secara berhemah, bertanggungjawab dan terus memberikan impak positif kepada rakyat bukannya memberi keselesaan kepada segelintir pihak sahaja," katanya ketika menyampaikan ucaptama Mesyuarat Agung Tahunan PKR Cabang Gombak 2015, di sini,

pada 16 September lalu.

Mohamed Azmin yang juga Timbalan Presiden PKR, berkata program pendidikan akan menjadi teras belanjawan bagi memastikan rakyat Selangor mendapat pengetahuan berkualiti yang melahirkan modal insan terbaik.

Katanya, projek perumahan mampu milik turut menjadi agenda utama dalam siri belanjawan kali ini dengan projek pembinaan di kawasan bandar

bukannya luar bandar.

"Kerajaan Negeri juga hanya akan memilih industri dan pelaburan berteknologi tinggi sebagai usaha mengurangkan kebanjiran warga asing dan membuka ruang pekerjaan kepada anak tempatan."

"Kita mahu pelaburan yang menggilap potensi anak Selangor supaya mereka akhirnya menjadi pekerja mahir dan mendapat pendapatan besar dan tinggi," katanya.

Bina blok baru Maahad Tahfiz menjelang 2016



AMPANG - Kerajaan Negeri akan menumpukan usaha membina blok baru Maahad Tahfiz seluruh Selangor dalam Belanjawan 2016, kata Dato' Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, langkah terbabit diambil bagi mengangkat martabat umat Islam di negeri terkaya itu, sekali gus mampu mendepani pelbagai cabaran mendatang selain menampung limpahan pelajar.

"Rizab Selangor mencatat-

kan pertumbuhan cukup memberangsangkan dengan peningkatan kepada RM3.7 bilion minggu lalu berbanding RM3.2 bilion tahun 2014.

"Ini adalah pencapaian tertinggi dalam rekod negeri tetapi persoalannya bagaimana kita dapat menggunakan wang ini untuk mengangkat martabat umat Islam. Antara program dirancang adalah bangunkan Maahad Tahfiz bukan membaki bangunan sedia ada tetapi bina blok baru

lengkap kemudahan asrama bagi golongan emas yang mengikuti pengajian al-Quran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Majlis Penyampaian Sumbangan Bernilai RM43,000 kepada Masjid Jami'ilhuda di Kampung Melayu Ampang, di sini, pada 18 September lalu.

Sumbangan itu diserahkan kepada Nazir Masjid Jami'ilhuda, Basri Khalid bagi membiayai pembelian permaidani baru dan kegunaan lain.

Terlebih ganti 650 ekar tanah rizab

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata pihaknya komited menjaga tanah rizab Melayu dengan mewajibkan penggantian jika wujud keperluan membatalkan yang mahu dibangunkan.

Mohamed Azmin berkata, kebiasanya Kerajaan Negeri perlu mengganti tanah rizab Melayu yang dibangunkan kerana ia termaktub dalam Kanun Tanah Negara 1965, namun Selangor sudah terlebih ganti kira-kira 650 ekar tanah sejak setahun lalu.

"Rizab tanah Melayu menjadi

antara keutamaan saya dengan memastikan tanah yang dibatal dan dibangunkan perlu diganti dengan nilai yang sama seperti diperuntukkan Kanun Tanah Negara.

"Saya bersyukur kerana Selangor sudah terlebih ganti 650 ekar dan memberi jaminan tanah rizab akan terus kekal dan mempunyai nilai baik untuk masa depan," katanya selepas merasmikan Majlis Penyerahan Lembu Korban sempena Hari Raya Aidiladha di Bangunan Sultan Idris Shah, di sini, pada 18 September lalu.

Banteras habis-habisan sindiket tanah haram

RAWANG - Kerajaan Negeri bertindak menggempur 24 ekar kawasan tanah yang diteroka secara haram sejak 15 tahun lalu.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohammed Khusrin Munawi, berkata pendakwaan akan mula dilakukan di bawah Kanun Tanah Negara terhadap pencerobohan tegar dengan kira-kira 3,000 kawasan tanah milik kerajaan diteroka haram di Selangor.

"Sebelum ini, tiada pendakwaan tetapi kita mula bertindak tegas membanteras habis-habisan sindiket teroka tanah kerajaan secara haram di seluruh negeri. Tindakan tegas ini memberi mesej kepada peneroka yang kebelakangan ini makin banyak meneroka tanah kerajaan secara haram," katanya.

Terdahulu, beliau menyertai Op-

erasi Bersepadu Pencerobohan Tanah Kerajaan Seksyen 425 Kanun Tanah Negara di SKC Rasa, Mukim Sungai Tinggi membabitkan 24 hektar tanah diusahakan tanaman sawit dan kebun sayur, pada 14 September lalu.

Operasi itu diketuai Penolong Pegawai Daerah, Unit Penguatkuasa Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor, Azizuddin Mohd Hashim.

Khusrin berkata, notis kesalah-an di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN) dikeluarkan Ogos lalu, namun peneroka tetap berdegil dan masih meneruskan operasi.

Beliau memberi amaran keras kepada ketua sindiket menawarkan tanah kerajaan pada kadar tertentu kepada peneroka dan mendakwa tanah itu milik persendirian.

Penerima Borang 5A sedih kenang nasib jiran

OLEH NAZLI IBRAHIM

KAJANG - Penerima Borang 5A menlahirkan rasa gembira bercampur sedih dalam Majlis Penyerahan Borang 5A di Kampung Baru Sungai Chua, di sini, pada 22 September lalu.

Si Soo Hong, 51, terkenang penduduk warga tua kampung itu yang menjadi gelandangan selepas rumah dirobohkan dan akhirnya meninggal dunia di langgar kenderaan.

"Gembira kerana selepas dia baikan ketika era BN, hari ini Kerajaan Negeri yang ada sekarang prihatin dan gantikan tanah rumah kami yang dirampas. Tetapi, saya sedih kerana teringatkan salah seorang daripada kami yang meninggal dunia di bawah jambatan."

"Apabila rumahnya dirobohkan, dia tak ada tempat tinggal dan satu malam dilanggar sebuah kenderaan ketika sedang tidur," katanya.

Soo Hong yang menerima Borang 5A bagi pihak ibunya, Hiew Gan Yu, 83, yang tidak hadir kerana uzur, berkata dia juga terke-

nang seorang lagi warga emas yang mati diserang penyakit jantung ketika cuba membuka jeriji besi rumah.

"Masa itu, cuma beberapa hari sebelum rumah kami dirobohkan. Oleh kerana dah tahu rumahnya nak dirobohkan, maka dia cuba membuka jeriji besi untuk dijual dan pada masa itu dia diserang penyakit jantung lantas meninggal dunia."

"Selain itu, suami saya juga ditangkap kerana halang kerja meroboh. Kini, kami sangat gembira dapat gantikan semula tanah yang dah tiada dulu," katanya.

Sementara itu, pekerja swasta, Law Khien Heng, 34 tahun, pula berharap Kerajaan Negeri terus kekal bagi melicinkan urusan membantu rakyat memerlukan.

"Diharap kerajaan sedia ada kekal kerana tak mahu polisi membantu rakyat seperti yang dipraktikkan terhenti jika bermakna. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri," katanya.

Sementara itu, Siew Yot Kim, 80, pula tidak sabar untuk berkongsi berita gembira ini dengan anaknya.



"Dulu saya tinggal di sini tetapi tiba-tiba dihalau. Sebagai warga emas, tentu saya gembira kerana dapat semula tanah di kampung ini," katanya.

Rumah bertanah dapat tong sampah percuma

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri akan meningkatkan infrastruktur asas dengan mensasarkan pemberian tong sampah percuma kepada semua rumah bertanah atau 'landed property'.

Exco Kerajaan Tempatan Negeri Selangor, Ean Yong Hian Wah, berkata pemberian itu dijalankan secara berperingkat membabitkan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan fasa satu dimulakan tahun ini.

"Pada permulaan, kita edar 3,000 tong sampah dahulu dan tahun depan lebih sikit."

"Kita anggarkan kira-kira 800,000 rumah di seluruh Selangor akan menerima tong sampah percuma ini," katanya kepada Selangor Kini, pada 26 September lalu.

Hian Wah berkata, Kerajaan Negeri juga melancarkan kempen pengasingan sampah bagi mengalakkan dan memberi kesedaran kepada orang ramai berkenaan kepentingan meng-

asingkan sampah mengikut konsep kitar semula.

Katanya, kempen itu perlu dijalankan bagi mengurangkan pembuangan sisa pepejal di tapak pelupusan sampah, sekali gus memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah.

"Kita lancar program ini supaya boleh kaji tabiat atau perangai orang ramai membuang sampah dengan permulaan membabitkan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)," katanya.



MERIAH... Jerebu tidak menghalang lebih 200 peserta meneruskan acara Sijangkang Fun Run 1st Edition di Kampung Sawah 27 September lalu. Peserta dilepaskan Adun Sijangkang, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi serentak merasmikan acara itu.



Berjaya kurangkan defisit fiskal RM670,00

Yakin belanjawan berimbang

OLEH NAZLI IBRAHIM

SABAK BERNAM - Kerajaan Negeri yakin belanjawan defisit yang dibentangkan dalam Belanjawan 2015 menjadi belanjawan berimbang sebelum akhir tahun ini.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata ketika ini defisit fiskal Kerajaan Negeri berjaya dikurangkan kepada RM670,000 berbanding unjuran

defisit RM452 juta.

"Setakat ini Kerajaan Negeri sudah memperoleh pendapatan melebihi jumlah yang diunjurkan.

"Saya yakin dengan baki beberapa bulan sebelum berakhir 2015, kita akan capai belanjawan berimbang," katanya di sini, pada 25 September lalu.

Mohamed Azmin berkata, beliau memutuskan untuk membentangkan belanjawan de-

fisit bagi tahun 2015 selepas Kerajaan Negeri menjangkakan kelembapan ekonomi tahun ini.

Katanya, ketetapan itu diam-bil bagi membolehkan Kerajaan Negeri menjana ekonomi Selangor dengan pelbagai perbelanjaan pembangunan rakyat.

"Kerajaan Negeri juga berjaya menambah rizab kepada RM3.7 bilion dan ia adalah angka tertinggi yang pernah dicatatkan," katanya.



Wifi Selangorku pacu pelaburan luar negara



SHAH ALAM - Pelancaran Wifi Selangorku mampu menarik pelaburan dalam dan luar negara ke Selangor kerana ia kemudahan yang penting, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

"Kita zahirkan komitmen pelaksanaan kemudahan ini ketika pembentangan belanjawan lalu dan berjaya disediakan untuk semua golongan."

"Ini adalah jaminan hubungan desa dan bandar dihubungkan

tanpa ada kawasan terpisah," katanya, di sini, pada 22 September lalu.

Mohamed Azmin berkata, kemudahan itu juga dapat melonjakkan pertumbuhan 'Urban Growth' termasuk modal insaan tenaga kerja berteknologi tinggi bagi tujuan komunikasi dalam kalangan pelajar dan masyarakat.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata Kerajaan Negeri komited membangunkan Sela-

ngor berkonsepkan 'Smart City' dan 'Smart State' bagi mengangkat taraf sosial rakyat dalam masa terdekat ini.

"Oleh itu, Datuk Bandar atau Yang diPertua Majlis perlu mengkaji dari negara luar supaya kemudahan 'Smart City' dapat dilaksanakan bagi program 'Citizen Engagement' dan input diperolehi rakyat. Ambil contoh dari bandar besar bagi menggubal sesuatu dasar," katanya.

870 Rumah Selangorku di Beranang

BERANANG - Pemaju harta tanah terkenal, EcoWorld dengan kerjasama Kerajaan Selangor menawarkan 870 unit pangaspuri melalui Program Rumah Selangorku, di sini.

Unit kediaman tiga bilik itu bakal dibina mengikut jenis B dengan keluasan 750 kaki persegi yang dibangunkan di atas tanah 11 ekar dengan harga jualan RM100,000.

Dengan nama 'Simponi', kediaman 11 tingkat dibina dalam kawasan pembinaan rumah mewah Eco Majestic.

Eco Majestic terkenal dengan reka bentuk 'colonial' dan pangaspuri terbabit juga mengandungi unsur seni bina sama.

Dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM11.14 bilion, Eco Majestic merancang membina lebih 100 ekar landskap dan

150 ekar bagi pembangunan komersial.

Kakitangan swasta, Ismail Rashid, 26, berkata dia tidak akan melepaskan peluang memiliki rumah mampu milik (RMM) yang ditawarkan.

Katanya, persekitaran mewah di kawasan itu menjadikan RMM nampak lebih ekslusif se-lain harga yang berbaloi untuk dimiliki.

"Sangat-sangat berbaloi. Saya dan isteri tidak akan melepaskan peluang ini. Harga rumah mahal, jadi usaha Kerajaan Negeri ini harus dipuji," katanya.

Orang ramai terutama di Selangor perlu merebut peluang untuk mendapatkan unit kediaman ini dengan memohon dan mendaftar di laman sesawang LPHS di <http://lphs.selangor.gov.my>.

SELANGOR INK SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Muaz Omar

PENGARANG : Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG Mohd Ezli Mashut

WARTAWAN: Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,
Hafizan Taib: ezhafizan@gmail.com, Lizawati Madfa : lizalyn84@gmail.com,
Afix Redzuan : afixredzuan@gmail.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,

Norhayati Umor: chayunkyyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim : nazliibrahim@gmail.com,

Syazwani Sufian : syazwanisufian@ccsb.selangorku.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,
Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

Terlalu memilih

Peluang lesap, pembeli berputih mata

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Bakal pembeli rumah mampu milik di Selangor dinasihatkan tidak terlalu memilih lokasi kediaman yang berdekat dengan tempat kerja masing-masing.

Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS), Norzaton Aini Mohd Kasim, berkata sikap terlalu memilih boleh menyebabkan bakal pembeli berputih mata ekoran melepasan peluang terbaik.

"Tidak semestinya pemaju bina rumah mampu milik dalam lingkungan kawasan tempat kerja kita, bahkan projek rumah mampu milik semakin kurang sebab tanah dah kurang di kawasan bandar seperti Shah Alam.

"Jika kita menolak peluang yang ada, belum tentu lagi projek rumah mampu milik dilancarkan



Norzaton Aini

akan datang lebih dekat. Takut lebih jauh dengan lokasi pilihan pembeli," katanya ketika dihubungi Selangor Kini, baru-baru ini.

Bagaimanapun, beliau berkata LPHS sedaya upaya membantu bakal pembeli memiliki rumah di kawasan yang menjadi pilihan mereka.

Norzaton turut menyergerasi muda untuk tidak keting-



galan merebut peluang memiliki rumah mampu milik yang sedang rancak dijalankan Kerajaan Negeri.

"Kita kena rebut peluang ini sebab ia mampu memberi pulangan dalam bentuk aset, bahkan tak perlu lagi menyewa

dengan harga yang semakin meningkat berbanding membayar rumah yang dah tentu aset sendiri," katanya.

Skimsel capai 90% bayar balik

SHAH ALAM - Statistik bayaran balik pinjaman Skim Mikrokredit Selangor (Skimsel) dalam kalangan peserta luar bandar mencatat lebih 90 peratus.

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan, Saari Sungib, berkata statistik terbaru itu memberi petanda positif dalam mencapai objektif membasmikan kemiskinan.

"Ini petanda baik kerana terdapat anjakan taraf hidup peserta skim ini apabila mereka dapat membayar balik pinjaman dengan disiplin. Ia juga menunjukkan kemahuan dan kesungguhan mereka berusaha meningkatkan pendapatan," katanya.

Saari yang juga Adun Hulu Kepong, berkata ia berbeza dengan peratusan bayar semula peserta Program Mikrokredit Miskin Bandar (Mimbar) yang dianggap masih rendah.

Beliau berkata, pihaknya turut mengambil kira pelbagai faktor termasuk cadangan menambahbaik sistem penyampaian bagi meningkatkan penyertaan dan keupayaan bayaran balik peserta Mimbar.



“Ini petanda baik kerana terdapat anjakan taraf hidup peserta skim ini apabila mereka dapat membayar balik pinjaman dengan disiplin”

SAARI SUNGIB
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan,

"Antara punca peratusan bayaran balik rendah termasuk sikap sesetengah peserta yang cuba mengambil kesempatan menggunakan dana terbabit untuk tujuan lain," katanya.

HIJRAH terbuka semua kaum

KAPAR - Program HIJRAH Selangor yang diperkenalkan Kerajaan Negeri mengalu-alukan penyertaan golongan bukan Bumiputera.

Pengerusi Eksekutif HIJRAH, Datuk Mansor Othman, berkata hal itu kerana penyertaan bukan Bumiputera hanya antara 10 hingga 15 peratus.

"Angka penyertaan bukan Bumiputera membimbangkan kerana HIJRAH terbuka kepada semua kaum," katanya kepada Selangor Kini, di sini, baru-baru ini.

Mansor berkata, bahasa adalah salah satu faktor kurang penyertaan bukan Bumiputera, namun pihaknya kini dalam usaha mengambil kakitangan dan pe-

gawai pelbagai kaum.

"Pelbagai usaha promosi secara agresif sedang dijalankan daripada segi taklimat dan pelbagai program turun padang," katanya.

Program HIJRAH diperkenal Kerajaan Selangor bagi melonjak golongan miskin memasuki kumpulan berpendapatan menengah melalui dana RM100 juta.

Harapan baru bina bisnes

KUALA SELANGOR - Program Hijrah memberi sinar dan harapan baru kepada peniaga kecil Selangor dalam meningkatkan taraf ekonomi dan kehidupan mereka seiring pembangunan negeri.

Pemilik Satay D' Kota, Sabariah Ali, 55, berkata program pinjaman melalui skim ditawarkan Kerajaan Negeri itu juga mudah dan tidak membebangkan.

"Sebelum ini ada juga buat pinjaman dengan pihak lain tetapi kadar bayaran semula agak lekeh. Berbeza dengan hijrah yang tidak membebangkan peniaga kecil," katanya.

Sementara itu, Khadijah Sukri,

52, pula mendapati program pinjaman Hijrah memberi peluang sama rata kepada semua golongan tanpa mengira peringkat usia.

"Ini yang kita mahu, bantuan ikhlas untuk membantu peniaga terus maju dan berdaya saing," kata ibu kepada empat anak dari Kota Damansara.

Pada masa sama, Nor Hasmah Md Rawi, 35, berkata Hijrah banyak membantu peniaga kecil mengadakan modal pusingan.

"Saya bercadang untuk menambah pinjaman pada masa akan datang bagi mengembangkan perniagaan jahitan pakaian," katanya.

“Sebelum ini ada juga buat pinjaman dengan pihak lain tetapi kadar bayaran semula agak lekeh. Berbeza dengan hijrah yang tidak membebangkan peniaga kecil”

SABARIAH ALI
Satay D' Kota



RESIDENCE
Citrina 3
BERNAM JAYA

RUMAH KLUSTER 2 TINGKAT




- Setiap unit adalah unit tepi dengan bukaan saiz lot 42' lebar
 - Ruang tamu dan dapur yang praktikal
 - Akses mudah ke rangkaian Lebuhraya Utara-Selatan dan Jalanraya Tanjung Malim-Rawang
 - Dikelilingi prasarana membangun seperti sekolah, hospital, pusat komersil dan Universiti Pendidikan Sultan Idris
 - Pengudaraan dan pencahayaan yang baik
 - Laman yang luas

KLUSTER 2-TINGKAT • 1.445 - 2.036 KPS • 3 REKABENTUK MODEN



KOORDINAT GPS : N3 39 27 E101 32 12

www.pkns-property.com



50 Tahun Membina Komuniti, Memperkasa Kehidupan dan Merealisasi Impian

 PKNS



Editors' Choice
Property Award

WINNER OF THE PRESTIGIOUS
BQ ASIA TOP 50 PROPERTY
DEVELOPERS AWARD
2 YEARS RUNNING



016 251 0113 013 939 0310 013 393 8183
019 269 7641 013 342 1098 019 303 4342



▲ Adun Chempaka, Datuk Iskandar Abdul Samad bersama petugas mengedarkan Kuih Bulan kepada masyarakat Cina di DUN itu.



▲ Adun Ijok, Dr Idris Ahmad bersama-sama 160 peserta Kem Bahasa Inggeris anjuran bersama Pejabat DUN Ijok, The Reading Bus Club dan Universiti Sunway.



▲ Adun Tanjung Sepat, Mohd Haslin Hassan menyantuni masyarakat Cina di Pekan Tanjung Sepat sambil mengedarkan kuih tradisi Kek Bulan.



▲ Adun Hulu Bernam, Datuk Rosni Sohar dalam Majlis Pelancaran Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN) Peringkat DUN Kuala Kubu Bharu dan Hulu Bernam.



▲ Adun Pandamaran, Tan Pok Shyong turun padang di DUN itu bagi memastikan kutipan sampah berjalan lancar.



▲ Adun Lembah Jaya, Khasim Abdul Aziz melawat penduduk dan kawasan yang mengalami masalah banjir kilat.



▲ Adun Kajang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menziarahi dan menyampaikan sumbangan kepada keluarga arwah Soaid Seabit di Taman Delima, Kajang.



▲ Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong mengedarkan penutup muka ekoran jerebu melanda negara.



▲ Adun Damansara Utama, Yeo Bee Yin bersama-sama masyarakat meraikan pesta Kuih Bulan di Damansara Jaya dan Kampung Damansara.



▲ Ahli Parlimen Selayang, William Leong bersama-sama menanam pokok dalam kempen "Satu Rumah Satu Pokok" anjuran Kerajaan Selangor Peringkat Daerah Gombak yang dirasmikan Exco Alam Sekitar, Elizabeth Wong di Kuang.

OLEH DAENG RAMLIAKIL

Apabila Kerajaan Selangor memperuntuk hadiah sastera untuk karya menerusi genre eseи, cerpen dan puisi siaran Selangorkini, akhbar rasmi kerajaan negeri, banyakalasan intelektual menjadi penyokong demi merealisasikan atau kelangsungan peristiwa.

Apa pun, keputusan sebegini sudah menjadi tradisi penting kepada para negara maju dan bermaruah di Eropah seperti Sweden Jerman, Perancis, England dan seumpamanya, setidak-tidaknya sejak 100 tahun lalu.

Mengangkat martabat ilmu kesusteraan bukan asing kepada bangsa Asia. Vietnam pernah membina universiti sastera 1,000 tahun lalu dan kini, sudah pun puang sahaja.

Namun, hingga kini mereka memiliki jati diri yang kukuh, berwibawa dan hidup bersemangat. Jika tidak, masakan mereka mampu menumpaskan jutaan askar paling jahat di dunia dalam perang dekad 1970-an.

Malah, mencantumkan semula dua negara sebangsa - pada hal, hingga kini, Korea masih terkial-kial untuk merealisasikan cantuman Korea Utara dengan Korea Selatan.

YANG BENAR

Aku di hadapan akhbar bergelar kecam nista dari laman berhayatkan sisi dusta

Aku di hadapan siaran berbaur belakang dan depan tak kukenal akhir dan mulanya

Mungkin lidahku belum puas kenal kebenaran seperti kau, tampak yakin senyum dan hidup sempurna
- (mungkin)
sedang aku, berdiri memeluk hela dan jeda yang beban dan sia-sia

Berhabis nafas dan suara sungguh kebenaran tidak mampu aku tuturkan

Yang benar, tulisanku.

Raheen Intisor Irbid, Jordan

Menjejak pemikiran di sebalik penganugerahan

Benarlah mentalitilembu, anjing, kudadan seumpamanya hanya nampak lagi cenderung pada aktiviti kecergasan fizikal. Sejarah menjadi saksi betapa Coliseum di Rome terbina dan hari ini, ekonomi, sosial dan pendidikan Greece dan Itali amat bermasalah.

Tradisi barbarisme tidak menjanjiakan apa-apa, melainkan tradisi neokolonialisme dan penjajahan bentuk baru ini melahirkan orang yang tidak peduli akan kebejatan dalam masyarakat.

Biar berleluasa ke tahap mana pun korupsi dan pecah amanah, bukan setakat rakyat, malah pemimpin pun tidak peduli, asalkan makanan dan minuman sendiri tidak terganggu.

Jadilah agamawan, apa lagilah matematik, tentera, peniaga dan guru; neokolonialisme menjadikan manusia itu oportunistik dan individualistik. Ruh mereka berstatus kebinatangan dan apabila mati nanti, terseksa sampai bila-bila.

Berbalik kepada persoalan betapa pentingnya ilmu sastera pada tahap keduasesudah ilmu agama, kaitannya terbukti pada jiwa manusia. Selain menjadi titi yang menyambung pentas aneka disiplin ilmu kepada pentas ilmu agama, kandungannya kaya dengan ilmu kehidupan.

Sparta merupakan sebuah kota di Itali yang dibina khusus untuk warga tentera manakala Athens menjadi kediaman manusia sastera dan pengaruh ilmu kehidupan. Sejarah menjadi saksi, manusia robotik atau tentera musnah tetapi ilmu hidup, selamat dan mengeksport tamadun ke benua Asia dan Amerika.

Dalam konteks tanah air, khususnya pembakaan dan perlumbaan amat besar impaknya andai kata ada insan bijaksana, proaktif lagi pragmatik. Benar, hanya sesudah 1971, Tun Razak menerima pakai idea untuk mewujudkan hadiah sastera.

Selanjutnya, wujud Anugerah Sasterawan Negara yang melibatkan wang RM60,000 sebagai hadiah utama. Hingga 2015, jumlah hadiah itu menjadi bagaikan 'besi buruk' atau 'surat khabar lama'.

Apakah lagi apabila ada pihak memperoleh wang RM250 juta menerusi lembu dan terkini, RM42 bilion, selain RM2.6 bilion. Jika RM60,000 pemberian Kerajaan Barisan Nasional itu, hampir dikalahkan oleh hadiah Sasterawan Perak (RM50,000), ruang untuk Kerajaan Selangor terbuka luas untuk 'meruntuhkan' imej BN.

Hanya dengan mengumumkan hadiah, katakanlah Hadiah Nobel yang johannya menerima RM200,000, kedua (RM150,000) dan ketiga, RM100,000, aneka pihak pasti terpegun.

Apakah lagi apabila isu semasa kemasyarakatan, seumpama pembelaan kemanusiaan dan kenegaraan, pastilah



Kondisi, 1MDB, Joe Lho dan seumpamanya. Serentak itu, ratusan individu terdidik menjelaki fakta, berfikir serius dalam sesi pemprosesan karya ilmu kehidupan dan tidak hairan jika projek ini menjadi senjata kemenangan pilihan raya yang senyap tetapi menggerunkan BN.

Apakah lagi apabila isu semasa kemasyarakatan, seumpama pembelaan kemanusiaan dan kenegaraan, pastilah banyak juak undur diri, tidak lagi berani tawar diri menjadi hakim sayembara lantaran tidak yakin lagi dengan kesucian hati sendiri.

banyak juak undur diri, tidak lagi berani tawar diri menjadi hakim sayembara lantaran tidak yakin lagi dengan kesucian hati sendiri.

Selama ini, puluhan hasil karya kesasteraan hanya menjadi 'pengampu BN dalam diam' dan idea dan olahan yang dikatakan muluk-muluk tetapi agensi hadiah antarabangsa pun memandang sebelah mata.

Katakanlah, pengumuman pada September, kemudian, selama tiga bulan diberi untuk kepengarangan [novel Ateis pun dikarang hingga siap sebulan], tiga bulan lagi untuk penilaian hakim, imej pembangkang amat cemerlang.

Diyakini, ratusan manuskrip novel yang isinya mengenai penderitaan individu, keluarga, saudara-mara dan rakyat teradun dalam novel berpengantar bahasa ibunda berhasil.

Akan tersualah cerita dan olahan berteza, antaranya kisah Datuk Seri Anwar Ibrahim, Altantuya, Datuk Trio, Lembut

Banyak pihak mesti memahami, pengarang yang bagus sentiasa mendepani dan menjadi pemandu budaya. Victor Hugo di Perancis dengan Les Misérables, Charles Dickens, Alexander Dumas, Pearl S. Buck, Yasunari Kawabata, Yukio Mishima, Maxim Gorky dan seumpamanya tetap berjaya.

Bukan setakat kepada warga sebangsa, malah warga dunia.

Bukanlah asing lagi tradisi pembiayaan pengarang hingga menghasilkan karya malar segar. Puluhan pengarang Melayu antara lain seperti Raja Ali Haji, Sultan Badruddin, Syekh Hamzah Fansuri, Rauf al-Singkel, Shamsuddin al-Sumaterani, Tun Seri Lanang dan sebagainya dibiayai istana.

Demikian juga pengarang Arab seumpama Imam Ghazali, Ibnu Khaldun, Ibnu Rusd, Ibnu Sina dan seangkatannya. Ertinya, dalam zaman moden kini, ganjaran kewangan diletakkan di puncak dan berlumbab-lumbalah [bukan berebut-rebut, tamak] pejuang kemanusiaan menghasilkan karya ilmu kehidupan yang 'hidup' berabad.

(Bukan seperti karya-karya Hadiah Sastera Perdana Malaysia, Hadiah Utusan Public Bank, Hadiah Sako, ITBM, Hadiah Sabah dll, yang rata-ratanya 'bisu, peka dan tulip' kepada nilai kemanusiaan).

Ini antara lain berpunca daripada panel hakim dan landasan penerajuan atau penaja yang kaya korupsi.

OLEH ISMAIL SUHADI

Saya bayangkan kita, atau salah seorang dari kita, esok pagi bangkit dari tidur. Lalu buka Twitter, Facebook, Google, New Yorker lalu kita biarkan tab-tab itu tak disentuh sebab kita selalunya hanya berminat untuk layan Twitter dulu.

Sebenarnya, kita memang jarang sentuh pun tab-tab selain Twitter. Kita buka mungkin sebagai terapi diri. Bahwasanya kita tak terlalu lemas dengan media sosial yang ada. Perhatian kita turut dialih kepada hal-hal lain.

Contohnya New Yorker – bukan New York Times sebab New York Times kedekut pakai sistem bayar dulu baca kemudian. Kita sekadar pelajar, yang menanggung hutang dan mengharapkan belas ihsan kawan-kawan bila semester mula berada di ambang peperiksaan akhir jadi untuk melanggan New York Times walau semuah mana pun ia masih juga mustahil.

Ilmu yang ditawarkan oleh majalah tersebut lebih baik dicairkan jadi maggi atau nasik berlauk ayam. Perut dulu akal kemudian.

Kita klik semula tab Twitter. Log-masuk. Lalu merewang vertikal di skrin. Melintasi tweet seperti melintasi orang-orang di ruang kaki lima dan dalam masa sama mengadili tweet yang kita rasa merimaskan. Siapa boleh agak bila perlakuan ini bermula?

Tweet kita asingkan ikut kasta. Kasta elok. Kasta tak elok. Ia diadili dengan mudah – ejaan betul atau tidak. Ia tak semestinya betul. Asalkan kita tengok ia *orait*, maka kita rasa ia *orait*.

Tapi kasta elok akan diadili dengan lebih teliti. Kita tengok struktur tweet. Kalau ejaan *orait* tapi isi keromo kita tak boleh masuk. Kita masuk dunia virtual perasan realiti ini sebab kita nak jauhkan diri keromo dunia.

Jadi tweet yang berstruktur keromo kita sisihkan. Ini peribadi jadi kita tak peduli kalau ada yang nak hentam. Ruang susur masa statik – kita syak sebab masih pagi – tweet paling baru sekadar sekutul dua jadi tidak ada pengadilan yang boleh dilakukan.

Bila dah yakin kita dah habis khatam tweet di susur masa kita, kita cuba cerna *trending worldwide*. Kita tak sentuh *trending* Kuala Lumpur sebab ia buang masa. Penghuni dunia virtual perasan realiti ini jemaah yang histeria tentang hal yang sama.

Jadi perbezaan *trending worldwide* dengan *local* hanya sekutul dua yang tak begitu berbeza. *Trending worldwide* yang ada bagi kita tak sentuh *intrig*. Tak kocak nurani.

Sama ada yang terlalu terus sehingga tak perlu nak dikorek atau terlalu *criptik* sehingga prasangka bermahrajalela – contohnya MH370 – ia terlalu *criptik* hingga kita tak mampu nak ambil pot.

Sebab ikut pengalaman, segala *criptik* yang berbaris di tab trending semuanya janaan mat/minah K-Pop. Kita siap pernah terdengar – atau terbaca? – slogan Minah K-Pop Unite! Mendengar – atau membaca – slogan tersebut buatkan kita yakin yang



di suatu sudut dunia virtual yang mahsyar ini, ada feminis yang tangannya sedang dimamah api.

Tapi kita bukan minah, bukan penggemar K-Pop, bukan juga feminis jadi kod *criptik* yang *trending* itu kita tak *ambil pot*. Lagi-lagi susur masa kita tak ada borak pasal *hashtag* itu pun. Yang ada hanya tweet berisi *hyperlink* yang tak ada kaitan dari website yang kita ikuti.

Tapi tiba-tiba, ketika tiba waktu puncak untuk tweets aktif, yang membanjiri susur masa kita adalah tweet-tweet takziah. Dan ia diiringi *hashtag* MH370. Takziah berdarlus dengan kematian. Dan kematian mengocak *intrig*. Siapa mati? Kita tertanya.

Dan pertanyaan ini kita cari jawapannya. Setelah kita selidiki, baru kita tahu ia adalah kapal terbang Malaysian Airlines yang tiba-tiba disedut dari realiti menuju misteri – jadi kita silap – ia bukan kod *criptik* K-Pop.

Menghadapi fakta ini, satu-satunya yang mampu kita lakukan adalah simpati. Ia fakta yang tak berapa penting, setidaknya pada kita – ya mereka mati tapi mati bila dah selesai ia bukanlah lagi kutukan tapi rahmat – mereka dah terlepas dari segala macam bencana nurani dan fizikal di dunia ini – kita sekarang ini malah lebih cemburu dari simpati – sebab kita terkurnung – diam-diam kita persoalkan kenapa tak kita saja yang berada di dalam pesawat tersebut.

Tapi sekarang, kita sedang keliru dengan satu lagi fakta. MH370 dikhabar lima tahun hilang. Sebab itu, selain *hashtag* MH370 ada juga *hashtag* 5YearsMH370 – yang kita turut longgokkan sama dalam prasangka berkenaan K-Pop tadi.

Kita jarang istighfar tapi kali ini kita rasa ia perlu bukan sebab kita rasa berdosa pada tuhan tapi pada akal kita – kita rasa terlalu bodoh.

Astagfirullah-al-azim.

Tetapi selain hal itu yang lebih mus-

tahak sekarang adalah kekeliruan kita. Kita keliru sebab kita tak sedar pun tentang kehilangan ini. Sedangkan kita memang aktif di dunia virtual perasan realiti ini. Kita harfiahnya makan minum tidur Twitter.

Jadi logiknya, hendak tak hendak, sikit pun mesti kita tahu tentang ini. Tapi percuabaan kita untuk mengingati hatta sekutul tentang *hashtag* ini barai. Ingatan kita sesungguhnya tak membantu apa-apa.

Ketika di ambang putus asa, kita sedari sesuatu – ada sesuatu tentang MH 370 yang terasa begitu akrab dengan kita. Hanya anehnya kita tak pasti apa dia. Jadi langkah pertama kita yang tak tahu sekaligus tak mengerti apa-apa sekarang ini, ialah periksa arkib status Twitter kita.

Ia langkah yang patut kita ambil dari tadi, kita fikir. Tapi benda dah jadi, jadi kita malas nak runsing lebih-lebih. Terasa bahawa diri ini bodoh juga sudah cukup. Kita beristighfar.

Ketika menunggu *page* profil kita *load*, kita berprasangka bahawa ada kemungkinan kita ada *post-sleep temporary memory loss*, jadi ingatan kita agak terganggu. Dan arkib status Twitter mungkin boleh bantu kita segarkan ingatan kita kembali.

Pabila kita teliti, tarikh terakhir status kita ialah lima tahun lepas. Ketika ini, kekeliruan kita dah mula berbelit. Pertanyaan makin rancak bercambah. Dan semuanya berkitar pada satu pertanyaan induk: Apa dah jadi sebenarnya?

Kita yang keliru teruskan juga siasat arkib status kita sendiri. Perasaan kita berkecamuk – ia berbaur antara teruja dan keliru dengan sedikit percikan amarah (kita tak mampu lagi sekadar beristighfar).

Makin lama kita baca arkib kita makin perasan yang kita macam tengah *skodeng* diri sendiri. Bila direnungi lebih lama kita sedar bahawa kita rupanya tak ubah seseorang yang tengah renung dan tenung pantulan cermin yang berbogel.

Hasil siasatan, kita sedar yang paling

mustahak sebenarnya adalah dua status terakhir kita. Salah satunya adalah *selfie* yang berlatarbelakangkan kepala sebuah kapal terbang. Diiringi oleh satu lagi *selfie* dan juga *vignet* sekeping tiket.

Dari tiket tersebut juga kita tahu lebih banyak. Kepala kapal terbang dari *selfie* pertama adalah dari pesawat MH 370 dan kita dari Kuala Lumpur sedang menuju ke Beijing. Waktu berlepas adalah pada pukul 12:07AM. Sekarang barulah kita faham apa maksudnya *hashtag* 1207 itu. Lagi-lagi kita menyesal dengan prasangka K-Pop itu. Kita beristighfar.

Jadi, kita cerna, satu-satunya berita baik yang kita dapat dari informasi yang banyak dan terperinci ini adalah kita yakin kita tak alami *post-sleep temporary memory loss*. Dah 5 tahun. Jadi tak mungkin kita alami *post-sleep temporary memory loss* itu. Kita tahu kita tak tidur 5 tahun lamanya. Kita bukan geng-geng Kahfi.

Tapi ketika ini, kita orait saja kalau kita alaminya. Setidaknya kita tahu apa yang terjadi. Kita bersedia nak beristighfar untuk kali ke-lima sebab lupa nak akses tab *mention*.

Ia ruang umum yang boleh dimasuki oleh sesiapa saja – betapa asing pun mereka – untuk menyapa kita secara terus, jadi tentu ada sesuatu yang boleh kita pelajari dari situ. Tetapi menyedari hal ini kita tak lagi ucap istighfar sebaliknya memanjatkan syukur.

Sebab sekarang ini satu-satunya yang kita tahu adalah kekeliruan kita dah jadi labirin tak berinduk. Kita pasti mengakses tab *mention* tak akan merubah apa-apa. Kebingungan, kita berserah.

Membiarakan *labirin* itu menelan setiap pertanyaan di kepala yang tadi rancak, bising dan bingit menjadi kesunyian. Lalu perlahan-lahan. Begitu perlahan-lahan kesunyian itu menjelma bunyi *blip* yang panjang dan kegelapan yang begitu jurang.

Kita telah pulang. Pulang mengakrabi kebenaran.

Kerjasama dua negara elak masalah sama berulang

Jerebu belum berakhir

OLEH HAFIZAN TAIB

MASALAH jerebu di negara ini menghadirkan rasa kurang senang masyarakat apabila terpaksa berdepan situasi sukar membabitkan aspek kesihatan dan pelaksanaan aktiviti harian yang semakin terhad.

Dengan episod jerebu yang agak berpanjangan kali ini, pelbagai perkara perlu direnungi sebelum dilaksana dalam menghadapi kemungkinan kesihatan diri dan keluarga mungkin akan

terjejas jika melaksanakan aktiviti luar.

Penangguhan sesi persekolahan tiga kali pada 15 dan 28 juga 29 September lalu serta beberapa program lain jelas memberi kesan terutama kepada pelajar yang bakal menduduki peperiksaan.

Seharusnya, satu rumusan diambil bagi mencari jalan penyelesaian terhadap masalah dihadapi saban tahun ketika bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) mencecah tahap tidak sihat dan merbahaya.

Dengan kebanyakan negeri mencatat IPU tinggi, tidak mustahil masalah jerebu yang dihadapi akan berterusan dan berulang dalam tempoh lama, bahkan ia jelas membahayakan rakyat terutama kanak-kanak serta pelajar.

Insiden itu dipercayai berpunca daripada aktiviti pembakaran hutan di negara jiran, Indonesia, yang sebenarnya berlaku hampir setiap tahun dan ia memerlukan pemuaafakan antara kerajaan supaya mampu diatasi segera.

Pendekatan diambil kerajaan

bagi mengadakan perbincangan dengan Indonesia adalah langkah wajar dalam menyelesaikan isu berkaitan.

Malah, usaha pihak lain dalam membantu rakyat adalah langkah terpuji terutama dalam keadaan nilai ringgit merudum ketika ini.

Rakyat sentiasa diingatkan berwaspada serta menjauhi perkara yang boleh mengundang bahaya dan kebakaran.

Kerajaan Selangor turut mengambil insiatif dalam usaha meringankan beban rakyat dengan menyalurkan pelbagai bantuan di samping pengagihan topeng muka percuma.

"Semua pihak dinasihatkan tidak melaksanakan aktiviti terutama membabitkan api dalam keadaan cuaca tidak menentu dan berjerebu.

"Dalam keadaan sekarang, jangan ada di antara kita melakukan pembakaran terbuka," kata Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi.

Usaha berterusan juga dilakukan bagi mengatasi masalah jerebu supaya tidak menjelaskan aktiviti utama seperti industri pelancongan di negeri termaju

ini yang menjayakan program Tahun Melawat Selangor 2015.

"Kita faham perkara ini sukar diselesaikan, namun jika berlurut ia akan memberi kesan kepada kedatangan pelancong negara ini.

"Tahun ini, tahun melawat Selangor, kita tidak mahu ia terjejas," kata Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong.

Walaupun sukar, ia perlu dihadapi semua pihak secara terbuka, bahkan permohonan maaf Kerajaan Indonesia adalah baik dalam mencernihkan keadaan.

Kerajaan Indonesia juga mengisyitarkan darurat di Riau dan Sumatera apabila bacaan IPU di lokasi-lokasi terbabit melebihi 300.

Pendekatan diambil kerajaan bagi mengadakan perbincangan dengan Indonesia adalah langkah wajar dalam menyelesaikan isu berkaitan



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIP/CIDB) dan Kerajaan Negeri Selangor dalam gred, kategori dan penghususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja berikut:-

Butir-Butir Tawaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh dan Tempat Taklimat Tender	Pembelian Dokumen
TENDER BAGI KERJA-KERJA MENUKAR KEPINGAN BUMBUNG LAMA KEPADA YANG BARU SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI PANGSAPURI SRI MERANTI, PERSIARAN MERANTI, PJU 9 BANDAR SRI DAMANSARA, KUALA LUMPUR No Tender: LPHS/T/K/15/04	Berdaftar dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Gred: G4 Kategori: B & CE Penghususan: B04, B15 dan CE21 Taraf : Bumiputra Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor	RM 163.00 (Tidak Akan Dikembalikan) Bayaran dalam bentuk Draf Bank/Kiriman Wang atas nama:- Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	Khamis 08 Oktober 2015 Jam 10.30 pagi B3-1-P1 Pejabat Pihak Badan Pengurusan Bangunan Strata, Pangaspuri Sri Meranti, Bandar Sri Damansara (Taklimat Tender adalah WAJIB)	08 Oktober 2015 sehingga 19 Oktober 2015 Waktu Pejabat:- (8.30 pagi – 1.00 tengah hari dan 2.00 petang – 4.00 petang) Kecuali Jumaat (8.30 pagi – 12.00 tengah hari dan 3.00 petang – 4.00 petang)

Dokumen Meja Tender boleh disemak bermula pada **01 Oktober 2015 (Khamis)** pada waktu pejabat di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.

Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada **penama yang dinamakan/wakil yang sah sahaja yang telah menghadiri taklimat**. Untuk maksud ini, pemilik / wakil-wakil syarikat **DIWAJIBKAN** membawa surat pengesahan sebagai wakil syarikat bersama dokumen asal **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, Sijil Taraf Bumiputra dan salinan Pengesahan Pendaftaran dengan UPEN Selangor** serta satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen tender. Sila bawa bersama **Cop Syarikat**.

Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja dan nombor tender berkenaan pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari **21 Oktober 2015 (Rabu)**, kepada:-

PENGARAH EKSEKUTIF
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor
Tingkat 5, Podium Utara,
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
No Tel: 03-5544 7906, No Faks: 03-5510 4137

Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Kenyataan tender ini juga boleh dirujuk melalui Laman Sesawang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor seperti berikut: <http://lphs.selangor.gov.my>



OLEH NORHAYATI UMOR

"**A**da apa di Pulau Ketam, best ke? Bukan tempat tu Cina saja yang tinggal, program apa agaknya? Tulis artikel? Apa yang menarik agaknya?" detik rasa hati apabila mendapat tugas daripada Editor.

Bila sebut Pulau Ketam, bukanlah asing bagi penduduk negeri ini termasuk aku. Namun, setakat ini belum pernah menjelaki perkampungan Tiong Hua itu.

Pulau Ketam mula dihuni masyarakat Cina yang lari daripada menjadi sasaran tentera Jepun ketika penjajahan negara matahari terbit itu di Tanah Melayu.

Pada 27 September lalu, jam 8.30 pagi aku bersama jurukamera, Razif, tiba di Jeti Pelabuhan Klang kerana mendapat maklumat daripada Abang Bazli sebagai ketua rombongan bahawa kami perlu menaiki bot, pada jam 9 pagi.

Kami turut dibekalkan topeng muka ekoran Indeks Pencemaran Udara (IPU) ketika itu yang mencatatkan 229 iaitu sangat tidak sihat.

Selepas sarapan, kami bergebak ke Bagan Sungai Lima bersama Adun Selat Klang, Dr Halimah Ali juga unit amal dan Amal Nita untuk mengedarkan kuih bulan sempena perayaan yang disambut masyarakat Cina itu dan penyerahan topeng muka.

Sepanjang perjalanan kira-kira 20 minit itu, aku menikmati pemandangan pokok bakau, laut yang terbentang, kapal nelayan juga burung-burung riang berterbangan.

Tiba di jeti, kami disambut setiausaha kampung itu. Tidak membuang masa, Dr Halimah terus mengedarkan kuih bulan dan topeng dari rumah ke rumah dalam keadaan hujan renai.

Pada pengamatan aku, walau-pun berbeza bangsa tetapi kami disambut mesra oleh penduduk kampung. Malah, layanan yang diberikan mereka sangat baik.

Ternyata, mereka menerima Adun yang dipilih walaupun parti Islam yang menerajui kawasan itu. Dr Halimah turut melawat warga emas dan orang kelainan upaya.

Kami mula bergerak ke Bagan Teochew, kali ini dikehendaki menuaiki tangga yang diperbuat daripada kayu ekoran tiada jeti di situ. Kejang juga kaki terpaksa naik turun tangga. Aktiviti yang sama turut dijalankan di situ.

Selepas beberapa jam, kami dibawa semula menaiki bot untuk ke jeti Pulau Ketam Bandar bersama Ketua Kampung, Cha.

Setibanya di sana, kami terus bergerak ke Balai Islam yang terle-

Pulau Ketam pelbagai warna

Cina muslim perlu bimbingan berterusan



tak kira-kira 200 meter dari jeti.

Balai Islam itu baru sahaja didirikan selepas Kerajaan Negeri bertukar tangan. Di situ, terdapat ruang solat yang dibahagikan di atas bangunan, ruang masyarakat, dua buah tandas, dapur dan sebuah peti ais.

Selain itu, terdapat juga Balai Polis Pulau Ketam, klinik kesihatan, sekolah rendah dan menengah.

Bunyi 'kling, kling, kling! Apa tu, ujarku. Ooo! basikal rupanya. Maklumlah, kami hanya berjalan kaki. Begitulah, di sini tiada pengangkutan selain basikal atau basikal elektrik. Pulau yang bebas dari karbon monoksida!

Di sini, basikal boleh disewa dengan hanya RM5 sehari. Murah! Feri pula hanya RM7.

Aku melihat program utama yang diaturkan di sini antaranya pertandingan badminton, sukaneka, demonstrasi penghasilan kek, klinik bergerak, kaunter dafar pemilih, dialog bersama penduduk dan Pesta Tanglung, pada sebelah malam.

Memang meriah di sini. Penduduk berkumpul melakukan pelbagai aktiviti bersama sepanjang jalan.

Ramai juga pengunjung dari luar negara antaranya Eropah, Jepun dan Korea. Tidak keting-

galan orang Melayu yang menghabiskan cuti juga kaki pancing. Tiada masalah, di sini banyak hotel didirikan.

Selepas makan tengahari yang dibawa pihak Adun, aku terpanjang seorang Cina memakai kopiah. Sudah tentu mualaf. Lantas aku menyapanya.

"Uncle orang Islam?" pertanyaan aku itu dijawab "Ya, uncle Islam". Akhirnya aku berjumpa orang seagamaku, di sini.

Sebenarnya untuk berkomunikasi dalam bahasa kebangsaan agak sukar kerana tidak semua memahami bahasa Melayu, apatah lagi Bahasa Inggeris. Nisbahnya terlalu sedikit. Ada juga seorang mualaf langsung tidak faham selain bahasa Mandarin.

Lelaki itu kemudian memperkenalkan diri sebagai Ishak Abdullah berusia 69 tahun. Kami berbual panjang berkenaan dirinya. Ishak mula memeluk agama Islam pada 1986, sama tahun aku lahir. Sudah lama, ujarku.

Namun, katanya walaupun sudah 29 tahun memeluk Islam, banyak perkara berkenaan agama ini tidak diketahuinya.

"Saya hanya tahu solat lima waktu. Mengaji saya tidak tahu. Saya hanya belajar mengaji dua hingga tiga kali seminggu dari-

pada seorang ustaz, lain-lain tidak ada," katanya.

Ishak berkata, menjadi cabaran kepada dirinya yang bergelar mualaf untuk tinggal dalam kalanngan berlainan agama, namun dia terpaksa cekalkan hati.

"Saya pakai kopiah, jadi mereka tahu saya beragama apa. Terpuang pada mereka. Nak berkawan dengan saya, silakan. Saya tak kacau orang, tak suka tak mengapa. Dulu saya jahat, sebab itu diberi hidayah masuk agama ini."

"Anak-anak saya bertuah kerana dilahirkan sebagai Islam. Tidak seperti saya," katanya yang sedikit sebak.

Aku bertanya jika ada program agama adakah beliau mahu serai? "Sudah tentu, uncle mahu belajar," katanya.

Saya hati apabila saudara seakidah kita tidak dibimbang secara berterusan. Selain Cina mualaf, golongan musafir juga tinggal di sini yang terdiri daripada warga Indonesia dan pekerja Tenaga Nasional Berhad dan jabatan kerajaan lain, mungkin kira-kira 100 orang.

Ya, di sini golongan mualaf itu bukan majoriti, namun jika tidak dibimbang, buruk padahnya. Terfikir juga pada keadaan biasa, siapakah yang akan mengimarahkan masjid ini agaknya.

Dr Halimah memberitahu 200 keluarga Cina memeluk Islam di pulau itu sejak berpuluh tahun lamanya, namun berpindah kerana cabaran dalam masyarakat yang menyukarkan mereka untuk terus menetap di situ.

"Saya menyeru mana-mana pihak atau badan bukan kerajaan (NGO) yang berdaftar di bawah

Majlis Agama Islam untuk membantu mereka secara sukarela. Berilah bimbingan secara berterusan kepada mereka," katanya.

Kewujudan Balai Islam Pulau Ketam sebenarnya peluang untuk NGO belia Islam di luar sana meneroka ruang latihan dakwah untuk dijalankan.

Jika sebelum ini, masyarakat Islam terpaksa menyeberang laut ke Pelabuhan Klang untuk menuaikan solat Jumaat, kini tidak lagi. Mereka juga bebas melaungkan azan di pulau itu selepas penubuhan Balai Islam.

Oleh itu, aku fikir sudah tiba masanya ada pihak berfikir untuk ke sana demi memastikan umat Islam menambah ilmu-ilmu agama.

Paling tidak, pendakwah kita boleh ke sana menyebarkan ilmu Islam supaya mualaf di sana memahami beberapa perkara asas seperti kebersihan dan makanan halal. Paling tidak, ada nelayan yang akan menyediakan makanan laut seperti ikan, sotong dan ikan bilis yang dikeluarkan mengikut kaedah yang halal.

Aku amat yakin makanan halal mampu menarik minat orang Islam ke Pulau Ketam. Berdakwah adalah tanggungjawab semua umat Islam. Bagaimanapun, melaksanakannya tidak semudah menyebutnya.

Menyeru kebenaran ini adalah risalah rasul, nabi, aulia dan solihin terdahulu yang mesti diteruskan.

Adalah menjadi harapan, program dakwah dapat diadakan lagi di masa-masa akan datang dengan membabitkan lebih ramai pendakwah negara di Pulau Ketam.



Pesta Tanglung lambang penyatuan bangsa

OLEH HAFIZAN TAIB

SUBANG JAYA - Penganjuran Pesta Tanglung 2015 memupuk perpaduan kaum dengan kehadiran ramai tanpa mengira bangsa dan fahaman agama.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, berkata pihaknya menggalakkan acara seperti itu kerana membawa banyak kebaikan.

"Pesta tanglung ini lebih kepada semua kaum di Subang Jaya."

"Walaupun ia (sesuatu kaum) berbentuk merah, hijau dan kuning, yang penting adalah cahaya itu ketika memancar tidak kira warna tetapi penting untuk semua di kawasan yang gelap ini," katanya di sini, pada 26 September lalu.

Beliau berkata, acara diadakan berjaya menyatukan semua bangsa yang ada dan situasi itu lambang keharmonian di negara ini.

"Pesta tanglung ini meriah dan diharap lebih ceria pada masa datang," katanya.

Pesta Tanglung 2015 dianjurkan bersama Pejabat Adun Subang Jaya dan Ahli Parlimen Kelana Jaya yang memasuki tahun keenam penganjuran.

Nor Hisham bersama Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh dan hadirin lain menyaksikan persembahan sempena pesta itu di Laman Sukan USJ 1, di sini.



Jerebu tak halang kemeriahan

OLEH HAFIZAN TAIB

SUBANG JAYA - Pesta Tanglung 2015 berlangsung meriah dengan kehadiran semua kaum dalam suasana ceria walaupun dalam cuaca berjerebu.

Keadaan itu tidak menghalang masyarakat setempat turun memenuhi Laman Sukan USJ 1, di sini, untuk beramah mesra sambil menikmati pesta cahaya,

hiburan dan makanan.

Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh, berkata pesta kali ini dianjurkan bersama Pejabat Adun Subang Jaya dan Ahli Parlimen Kelana Jaya.

"Ia adalah satu-satunya pesta tanglung di Subang Jaya yang diadakan secara besar-besaran."

"Setiap tahun, ia mendapat sambutan. Tahun ini menyaksikan penyertaan lebih 1,000 apabila

semua cenderahati 'goodies bag' habis diedarkan," katanya, pada 26 September lalu.

Beliau berkata, pesta tahun ini turut diadakan buat kali pertama di gelanggang berbumbung yang dibina Kerajaan Negeri tahun lalu.

Katanya, persembahan pertunjukan diadakan berkenaan pesta tanglung termasuk persembahan pelbagai kaum dan peringkat usia.

Pengangkutan percuma ke hospital

SHAH ALAM - Warga Shah Alam yang kurang berkelebihan kini berpeluang menggunakan perkhidmatan pengangkutan secara percuma untuk ke pusat rawatan dan hospital di sekitar Lembah Klang.

Timbalan Pengarah Korporat Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad berkata kenderaan jenis van berjenama Toyota Hiace itu juga diubahsuai bagi memenuhi keperluan golongan kelainan upaya (OKU).

Katanya, ia dilengkapi kemudahan 'tail lift' yang boleh menampung seseorang berkerusi roda.

"Perkhidmatan ini disediakan berikutkan keperluan penyediaan perkhidmatan pengangkutan kepada golongan OKU terhad dan sukar didapati," katanya dalam satu kenyataan.

Mengulas lanjut, Shahrin berkata, van OKU itu juga hanya boleh memuatkan dua orang penumpu-

pang dan seorang pemandu.

"Ini kerana ruang bahagian kenderaan itu dikongsikan dan dilengkapi dengan ciri keselamatan seperti tali pinggang bagi memastikan kerusi roda tidak bergerak semasa kenderaan bergerak," katanya.

Perkhidmatan itu beroperasi setiap Isnin hingga Jumaat bermula pada jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang sepanjang waktu pejabat.

Perkhidmatan juga disediakan untuk mereka yang ingin mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Seksyen 7, Klinik Kesihatan Seksyen 19, Klinik Kesihatan Bukit Kuda, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Hospital Tengku Ampuan Rahimah dan Hospital Sungai Buloh.

Untuk tempahan orang ramai boleh menghubungi Bahagian Pembangunan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Komuniti di talian 03-5522 2735 seminggu lebih awal.

Kutipan cukai lebih 90%

RM280 juta akhir 2015

OLEH HAFIZAN TAIB

SUBANG JAYA - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) mensasarkan kutipan cukai taksiran hampir RM280 juta menjelang akhir tahun ini, kata Yang Dipertua-nya, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan.

Beliau berkata, pencapaian itu mampu direalisasikan berikutan prestasi kutipan

menggalakkan setakat ini.

"MPSJ mensasarkan pencapaian lebih baik pada hujung tahun ini berbanding tahun lalu. Dulu, kita dapat lebih kurang RM260 juta dan tahun ini mahu jumlah lebih bagi," katanya kepada media, di sini, pada 19 September lalu.

Beliau berkata, sehingga kini MPSJ mendapat kerjasama baik daripada peng-

guna dan pihak berkenaan berhubung perkara terbabit.

Katanya, kemudahan kaunter yang banyak dan bergerak termasuk di kawasan awam selain pembayaran secara atas talian memberi lebih pilihan kepada pembayar cukai.

"Jumlah kutipan juga sudah lebih 90 peratus iaitu melebihi tahun lalu," katanya.

Semarak program gaya hidup sihat



SHAH ALAM - Seramai 150 peserta menyertai Kayuhan Santai Shah Alam Edisi Ke-3 anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), pada 19 September lalu.

Peserta dalam kalangan Ahli Kelab Basikal Shah Alam (KELAS) dan warga Shah Alam merestasi trek kayuhan sepanjang 25 kilometer mengelilingi pusat bandar raya melalui tiga 'checkpoint' iaitu Hentian Bas Kompleks Belia Seksyen 7, Seksyen 16 dan Pangsapuri Suri Puteri Seksyen 20.

Pelepasan disempurnakan Timbalan Setiausaha MBSA, Rosli Bakar yang turut disertai Timbalan Datuk Bandar Shah

Alam, Shukri Mohamad Hamin, Ahli Majlis dan Pengarah Jabatan MBSA.

Timbalan Pengarah Korporatnya, Shahrin Ahmad, berkata MBSA akan terus menganjurkan pelbagai program gaya hidup sihat yang kini mendapat sambutan dan permintaan tinggi daripada warga kota.

"Program ini sinonim dengan aktiviti sukan di Shah Alam dan ia adalah antara aktiviti riadah yang menjadi kegemaran warga kota, di sini."

"MBSA juga akan terus memperkasa program gaya hidup sihat dalam kehidupan sehari-hari dengan mengada-

“Program ini sinonim dengan aktiviti sukan di Shah Alam dan ia adalah antara aktiviti riadah yang menjadi kegemaran warga kota”

SHARIN AHMAD
Timbalan Pengarah
Korporat MBSA

kan pelbagai aktiviti sukan pilihan golongan belia masa kini," katanya dalam kenyataan.

Skuad PANTAS MDKL sentiasa bersedia hadapi bencana

BANTING - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) menerusi skuad Pasukan Tindakan Segera (Pantas) sentiasa bersiap siaga menghadapi sebarang kemungkinan bencana di kawasan se liaannya.

Yang Dipertua MDKL, Mohd

Azhar Mohamed Ali, berkata komitmen itu diambil bagi menjamin keselamatan orang awam selain memberi perkhidmatan terbaik dalam menghadapi kemungkinan berlaku bencana.

"Skuad Pantas MDKL juga bekerjasama dengan agensi lain

seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat (Bomba) Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) Malaysia, Jabatan Perhutanan dan JKR Kuala Langat dalam usaha memberikan bantuan kecemasan kepada mangsa bencana," katanya.

Sebelum ini, MDKL menjalankan tindakan segera memotong dan mengalah pokok tumbang di kawasan perindustrian Telok Panglima Garang.

Kejadian berpunca dari sebatang pokok tumbang menghempap pokok berhada-

pan sehingga masuk ke dalam kawasan kilang.

Dalam pada itu, Azhar menasihatkan arang ramai untuk lebih berwaspada ketika memandu dalam keadaan cuaca tidak menentu yang boleh mengundang risiko pokok tumbang.

Waspada penyakit anjing gila

SUBANG JAYA - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) mengambil langkah berjaga-jaga bagi menghindari penyakit anjing gila atau 'rabies' di kawasan seliaannya.

Yang Dipertua MPSJ, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, berkata segala langkah perlu diambil pihaknya supaya mampu mengelak masalah itu berlaku.

"Kita mengambil langkah berjaga-jaga dengan mengenal pasti tapak sesuai bagi mencegah dan mengawal wabak penyakit itu jika berlaku."

"Masih tiada kes di Subang Jaya tetapi kita bersedia supaya apa yang berlaku di luar tidak berlaku di sini," katanya kepada media, di sini, pada 20 September lalu.

Beliau berkata, Jabatan Kesihatan MPSJ dan Jawatankuasa Penduduk (JKP) menjalin kerjasama dalam perkara itu demi keselamatan orang awam.

"Kedua-duanya diminta membantu seperti menjalankan sesi penerangan kepada penduduk berhubung perkara terbabit," katanya.

Baru-baru ini, berlaku dua kes jangkitan penyakit anjing gila atau 'rabies' di Pulau Pinang membabitkan kanak-kanak berusia 11 tahun dan dewasa 44 tahun.

Skuasy terbuka PJ tawar RM10,000

PETALING JAYA - Kejohanan Skuasy Terbuka Petaling Jaya 2015 menawarkan hadiah hampir RM10,000 berlangsung di Astaka Petaling Jaya, di sini, pada 17 hingga 24 Oktober ini.

Timbalan Setiausaha Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Ahmat Mohaayen Said, berkata kejohanan kali ke-35 itu bakal disertai 128 pemain dalam beberapa kategori termasuk veteran 50 tahun ke atas.

"Penganjuran kejohanan ini memberi peluang golongan muda bertukar pandangan berkaitan teknik permainan lebih berkualiti.

"Diharapkan peserta menunjukkan bakat serta memperbaiki mutu permainan," katanya dalam sidang media di sini, pada 22 September lalu.

Beliau berkata, MBPJ merakamkan penghargaan kepada Persatuan Skuasy Selangor sebagai penganjur dan penaja yang sudi bersama menjayakan kejohanan berkenaan.

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Ibu bapa digalak menghantar anak lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menyertai program Youth Enhancement Strategy (YES) kendalian Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC).

Pengarah Eksekutif SHRDC, Tan Beng Teong, berkata latihan teknikal dan pendidikan vokasional (TVET) penting untuk memacu negara mencapai status maju dan Selangor selaku pemain industri utama perlu ke hadapan dan memperkasakan sistem terbabit.

"Kita seharusnya membungkuk tenaga kerja yang sudah bekerja atau bakal memasuki pasaran dengan kemahiran serta kebolehan yang diperlukan industri berimpak tinggi. SHRDC

Tingkat ilmu lepasan SPM

YES bangun tenaga kerja berdaya saing

berharap ibu bapa mempertimbangkan TVET sebagai satu pilihan untuk anak mereka dalam membangunkan tenaga kerja berdaya saing.

"Pada hari ini dan seterusnya, tenaga kerja yang berdaya saing mempunyai peluang yang sama atau mungkin lebih serta mampu menyiangi graduan lepasan aka-

demik," katanya.

Katanya, memiliki ijazah atau sijil akademik yang tinggi bukan satu jaminan untuk menerima pendapatan besar pada masa kini.

"Saya bagi contoh seorang tukang paip mahir. Dia datang tetapi tiada kerja, namun caj dikenakan RM50 tetapi jika selesai baik pulih

boleh jana hampir RM200 hingga RM300 sehari," katanya.

Melalui YES, SHRDC menyediakan program kursus teknologi pembuatan plastik dengan syarat kelayakan warganegara Malaysia berumur tidak lebih 24 tahun dan lulus tiga mata pelajaran SPM.

Tempoh latihan berlangsung selama enam bulan merangkumi

tiga bulan latihan formal (kelas dan makmal) dan tiga bulan latihan sambil bekerja (OJT) dengan persijilan Certificate II in Engineering dari Box Hill TAFE, Australia.

Ibu bapa yang berminat boleh menghubungi SHRDC di talian 03-55133560 atau layari laman sesawang www.shrdc.org.my.



YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali
Dato' Menteri Besar Selangor

YB Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad
Pengurus Jawatankuasa Tetap Pendidikan,
Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan
Inovasi Negeri Selangor

YES: Youth Enhancement Strategic Selangor (Program Peningkatan Kemahiran Belia Strategik Selangor)

1 Program

Kursus Pemasangan dan Penyelengaraan Sistem Solar Fotovoltaik Tersambung Grid (Solar PV Installer)

2 Syarat Kelayakan

- Warganegara Malaysia tidak melebihi umur 24 tahun
- Lepasan SPM (minimum lulus 3 mata pelajaran)

3 Persijilan

Kursus Pemasangan dan Penyelengaraan Sistem Solar Fotovoltaik Tersambung Grid SEDA Malaysia (Grid Connected Solar Photovoltaic (PV) Systems Installer and Maintenance)

4 Tempoh Latihan

Program selama 6 bulan ini merangkumi:

- 3 Bulan latihan formal (Kelas & Makmal)
- 3 Bulan latihan sambil kerja (OJT)

Kursus
Untuk
Lepasan
SPM!

Nilai Tambah

- Yuran pengajian dibayarkan sepenuhnya oleh Kerajaan Selangor
- Peluang kerjaya di industri yang terpilih
- Elaun sara hidup RM300/bulan (dibayarkan Kerajaan Selangor)
- Elaun tambahan semasa OJT ditaja oleh syarikat

Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Selangor
Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC)

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi En Farani/ Pn Farah
Selangor Human Resource Development Centre
No.1, Ground Floor, Block 2, Pusat Perniagaan Worldwide (Worldwide Business Park)
Jalan Tinju 13/50, Section 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
tel. +603 5513 3560 fax. +603 5513 3490 email. info@shrdc.org.my www.shrdc.org.my

Angan Mat Jenin mampu ubah kehidupan



KUALA SELANGOR - Budaya bebas berfikir dan dipandu akhlak yang baik mampu menghasilkan reka cipta kreatif bermanfaat kepada kehidupan manusia.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata walaupun bermula dengan angan-angan dan mimpi, namun kesannya memudahkan kehidupan manusia masa kini.

"Apa yang kita kecapa kini mungkin bermula dengan mimpi atau kata pepatah Melayu 'angan-angan mak jenin'. Jika angan-angan itu mampu diterjemah dengan tindakan betul, maka ia menghasilkan kesan baik dan keuntungan kepada kehidupan manusia."

"Jika daripada awal sudah memperlekeh dan mempertikai angan-angan terutama dalam kalangan anak muda, saya percaya ia membunuh dan menghalang budaya

inovasi yang kita mahu terapkan," katanya ketika merasmikan Karnival Teknologi dan Inovasi Inpens (KaraTii), Kolej Antarabangsa Inpens, baru-baru ini.

Katanya, tidak mustahil perkembangan pasaran inovatif berlangsung lebih hebat dengan syarat dimanfaatkan sepenuhnya dengan kemudahan pendidikan yang ada di Selangor.

Amirudin turut mengambil contoh kejayaan Air Asia selaku pelopor penerbangan tambang murah dan penerbitan kartun Upin Ipin oleh Les Copaque Production iaitu antara bukti hasil perkembangan inovasi kreatif negara.

Amirudin hadir mewakili Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali turut melancarkan bendera baru Inpens selain melawat gerai karnival pameran pelajar dan ia turut dihadiri Ketua Eksekutif Inpens, Rosli Ibrahim dan Penyelaras Parlimen Kuala Selangor, S Manikavasagam.

Karnival Sihat Selangor 2015

Tingkat gaya hidup masyarakat

OLEH SYASYA SUFIAN

BANGI - Kerajaan Negeri menyemarakkan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat melalui Program Karnival Sihat Selangor 2015 dan Karnival Keselamatan Jalan Raya bagi Daerah Hulu Langat, pada 12 September lalu.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata karnival itu membolehkan masyarakat mendapat khidmat pemeriksaan kesihatan secara percuma.

"Kita mengharapkan orang ramai mengambil kesempatan membawa ahli keluarga membuat pemeriksaan ditawarkan memandangkan keadaan jerebu semakin membimbangkan. Selain itu, ia meningkatkan kesedaran masyarakat berkenaan bahaya denggi," katanya.

Beliau berkata demikian di program itu yang diadakan di Taman Tasik Cempaka, Bandar Baru Bangi anjuran bersama Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Pejabat Daerah Hulu Langat dan Majlis Keselamatan Jalan Raya.

Turut hadir memeriahkan karnival itu adalah Adun Kajang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Ahli Parlimen Hulu Langat, Dr Che Rosli Che Mat.

Katanya, Karnival Keselama-



tan Jalan Raya dijayakan serentak bagi memupuk kesedaran masyarakat untuk mematuhi undang-undang jalan raya, di samping menghormati pengguna lain.

"Terutama bagi keselamatan pelajar sekolah ketika pergi dan pulang kerana waktu itu kurang pengawasan daripada ibu bapa yang berada di tempat kerja.

"Kita juga mengambil kesempatan menyampaikan maklumat kepada orang ramai dan pelajar kesan juga bahaya penyalahgunaan dadah," katanya.

Sementara itu, aktiviti lain yang dijalankan adalah 'Kempen Berjalan 10 ribu Langkah Sehari' dan aktiviti berbasikal sejauh 10 kilometer mengelilingi tasik.

PWB giat anjur aktiviti setempat

SHAH ALAM - Dua Pusat Wanita Berdaya (PWB) giat menganjur pelbagai aktiviti dalam usaha memperkasa dan memberdaya wanita setempat membabitkan pendekan menigkit keperluan semasa.

PWB DUN Tanjung Sepat menganjurkan Kursus Kepimpinan Wanita bertujuan meningkatkan kemahiran memimpin dalam ka-

langan wanita di kawasan berkenaan yang diadakan di Dewan Harmoni, Sijangkang, pada 14 September lalu.

Sementara itu, pada masa sama, PWB DUN Sementa turut mengadakan Program Urutan Tradisional di Masjid Kampung Sungai Serdang, Kapar.

Program itu dihadiri lebih 20

wanita setempat selain Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi yang turun padang merasmikan dan memberi sokongan.

"Semoga segala ilmu yang diperoleh hari ini dapat diguna pakai dalam usaha memberdayakan lagi wanita di kawasan masing-masing," kata Dr Daroyah.

Denggi catat 99 kes kematian

KAJANG - Sebanyak 99 kes kematian akibat denggi dicatatkan di Selangor bagi tempoh Januari hingga 5 September lalu.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata walaupun keadaan masih terkawal tetapi fokus tetap diberi terhadap kes denggi sehingga kadar kematian dapat dikurangkan.

"Jumlah kematian itu mencatatkan peningkatan berbanding 93 kes sehingga 8 Ogos lalu.

"Setiap minggu, Kerajaan Negeri bersama semua Pihak Berkua-sa Tempatan (PBT) dan Pejabat Kesihatan Daerah mengadakan mesyuarat untuk membincangkan kaedah menurunkan kadar


kes yang masih membimbangkan," katanya, di sini, baru-baru ini.

Daroyah berkata, Daerah Hulu Langat adalah kedua tertinggi iaitu mencatatkan 276 kes dan menjadikan kumulatif dari Januari lalu sebanyak 10,750.

"Manakala, Petaling masih mencatatkan yang tertinggi iaitu 305 kes, Gombak (169) dan diikuti Klang (152). Ia menjadikan kumulatif kes tahun ini sebanyak 45,667.

"Selain pelaksanaan daripada PBT dan jabatan kesihatan, masyarakat juga perlu turut sama memerangi tempat pembiakan aedes demi keselamatan diri dan keluarga sebelum dijangkiti denggi," katanya.

TAWARAN PENYEWAAN BANGUNAN PASAR MILIK MBSA DI SEKSYEN 28 SHAH ALAM



Jenis harta	: Pasar
Alamat	: Lot 21920, Jalan Melut 28/89, Seksyen 28 Shah Alam
Keluasan Bangunan	: 2605.05 Meter Persegi (28041.55 kaki persegi)
Bilangan unit ruangan niaga	: 36 Unit
Dokumen Yang Perlu Disertakan	: Profil Syarikat , Kadar sewa yang ditawarkan, penyata akaun tiga (3) bulan terkini dan konsep perniagaan yang dicadangkan

Pengusaha yang berminat dinasihatkan agar melihat sendiri premis tersebut. Segala kos pembaikan dan penyelenggaraan premis akan ditanggung oleh pengusaha. Majlis boleh mempertimbangkan cadangan ubahsuai ruangan untuk aktiviti komersial selain daripada kegunaan pasar.

Permohonan penyewaan yang lengkap disertakan dengan dokumen yang diperlukan hendaklah di hantar kepada alamat di bawah pada atau sebelum **10hb Oktober 2015**.

Pengarah
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
Majlis Perbandaran Shah Alam
Persiaran Perbandaran,
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

SEBARANG PERTANYAAN
03-55105133 samb. 1407 - En. Roslan Musa
03-55105133 samb. 1325 - Pn. Tengku Putrisha T.Putra
03-55105133 samb. 1326 - Pn. Hasliza Abu Bakar



Peruntukan hal ehwal Islam, pembangunan desa ditambah

OLEH NAZLI IBRAHIM

BANTING - Peruntukan bagi pembangunan hal ehwal Islam, pembangunan desa dan kampung tradisi dijangka meningkat dalam Belanjawan 2016 yang bakal dibentangkan, pada 30 Oktober ini.

Exco Hal Ehwal Islam, Adat Melayu & Warisan dan Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata pertambahan itu sejajar dengan kemampuan dan keperluan se-

masa masyarakat negeri itu.

"Kita mempunyai kemampuan kerana peningkatan pendapatan yang diperoleh."

"Peruntukan bagi portfolio Hal Ehwal Islam & Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi juga akan ditambah berdasarkan keperluan semasa," katanya pada program Sijangkang Fun Run 1st Edition di Kampung Sawah, Sijangkang di sini, pada 27 September lalu.

Beliau berkata, antara isu mendapat perhatian Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali



adalah langkah memodenkan pusat pengajian Maahad Tahfiz dan membina surau dengan reka bentuk baru yang standard di se-

luruh Selangor.

Katanya, Kerajaan Negeri turut mengambil kira ciri keselamatan bagi mengelakkan kejadian bumbung terbang dan kebakaran berulang selain mengambil kira kemampuan kapasiti bangunan.

Sementara itu, dalam program Sijangkang Fun Run 1st Edition di Kampung Sawah yang berlangsung, Dr Ahmad Yunus, berkata acara itu diteruskan atas permintaan peserta yang tidak mahu larian itu ditunda.

"Sebenarnya acara larian ini

dijadualkan sempena Hari Malaysia, pada 16 September lalu. Kita tunda kerana jerebu tetapi bila saya lihat pada pagi itu, cuaca jadi cerah pula.

"Bila kita tunda ke hari ini, pagi ini berjerebu kembali tetapi kena teruskan kerana peserta sendiri tak mahu tangguh tetapi minta diteruskan.

"Bagaimanapun, kita tak menyangka walaupun jerebu tetapi sambutan dianggarkan lebih 200 peserta. Kalau tak jerebu mungkin ramai lagi," katanya.

Surau reka bentuk baru dilengkapi penghawa dingin

BANTING - Projek pembangunan surau dengan reka bentuk baru di Selangor turut mengambil kira keperluan semasa, kata Exco Hal Ehwal Agama Islam, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi.

Beliau berkata, antaranya termasuk sistem penghawa dingin untuk disesuaikan dengan keadaan negara yang mempunyai cuaca panas hampir sepanjang tahun.

"Saya berbincang dengan arkitek dan kita mengambil kira semua aspek. Memang kebanyakannya surau dilengkapi penghawa dingin untuk disesuaikan dengan keadaan negara kita yang panas.

"Bagaimanapun, keperluan hawa dingin ini perlu sejarar dengan keperluan semasa. Adakala, masjid atau surau besar memerlukan keperluan penghawa dingin yang banyak tetapi jemaah yang ada tidak seramai hari Jumaat juga hari lain yang ada majlis.

"Ini juga kita fikirkan," katanya kepada Selangor Kini pada Program Sijangkang Fun Run 1st Edition di Kampung Sawah, Sijangkang, di sini, pada 27 September lalu.

Dr Ahmad Yunus berkata, Kerajaan Negeri juga mendapat terdapat beberapa surau di Selangor

yang berada dalam keadaan uzur dan tidak mampu menampung pertambahan jemaah, sekali gus membahayakan jemaah.

Terdahulu, Dato' Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali dalam majlis di Kampung Melayu Ampang, berkata Kerajaan Negeri bakal memperuntukkan sejumlah dana dalam Belanjawan 2016 bagi membiayai pembinaan surau baru di seluruh Selangor.

Katanya, surau baru itu nanti bukan sahaja memiliki ciri keselamatan, bahkan diberi reka bentuk baru yang standard di seluruh negeri.

Lembaga Zakat Selangor added 3 new photos.
September 24 at 9:13pm ·

Lembaga Zakat Selangor telah menyalurkan bantuan kepada keluarga ini selepas siasatan segera dilakukan. Info lanjut telah dimuat naik pada 21 September.

Alhamdulillah...moga diberi keringanan dengan bantuan yang diterima.

Dalam kita menyambut suasana Hari Raya Aidil Adha jom renung sejenak. (Petikan dari Harian Metro online bertarikh 24.9.2015 berbelas minit lalu)

Zakat Selangor Santuni Keluarga 'Homeless'. Untuk makluman, kisah keluarga yang tinggal di medan setera sebelum ditempatkan di sebuah surau sejak seminggu lalu telah mendapat perhatian L2S. Suhaila Md Sahi, 32 tahun ibu kepada lima orang anak yang berusia antara dua hingga 10 tahun terpaksa bersantung dengan ekosistem rumah bagi meneruskan kehidupan.

Sebelum ini, Suhaila dan anak-anak telah ditanggung oleh bekas suami, Muhammad Reduan Abdulrah, 36 tahun, Almarhum bapu-baru ini, belas susunya telah diverifikasi kerja menyediakan mereka kehidupan punca pendapatan dan terpaksa tinggal di surau tersebut.

Sehubungan dengan itu, L2S telah tampil menyumbang bantuan ini dalam bentuk bantuan kasarawang.

A Malig Family is living left homeless after the father was forced to evict the house they were putting up as the company the father was working for went down. They are now temporarily staying at a surau in Taman Puchong Utara Puchong. CP BERSAMA has collected money our community including other kota more than RM10000 to pass to them for their clothing. I will personally visit them this afternoon alone. I am back from Silia.

Gelandangan 'surau' disantuni L2S

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (L2S) menyantuni keluarga gelandangan yang sebelum ini menjadikan sebuah surau di Puchong sebagai tempat berteduh.

Menerusilamanfacebooknya, L2S tampil menziarahi keluarga Suhaila Md Sahi, 32, pada 21 September lalu bagi menyuraukan bantuan kecemasan RM500.

Selain itu, keluarga berkenaan juga menerima bantuan deposit rumah dan sewa bulanan di samping bantuan lain bergantung kepada keperluan keluarga berkenaan.

"Pada masa sama, keluarga Su-

haila kini dalam proses pengesahan sebagai asnaf fakir dan miskin di Selangor," jelas L2S.

Sebelum ini, Suhaila dan lima anaknya ditanggung bekas suami, Muhammad Reduan Abdulrah, 36 tahun.

Namun, selepas Reduan diberhentikan kerja, mereka kehilangan sumber pendapatan seterusnya memaksa Suhaila dan anak-anaknya tinggal di surau.

Kisah mereka menjadi viral di laman sosial dan mendapat perhatian pelbagai golongan netizen selepas seorang lelaki Cina, Kuan Chee Heng mula berkongsi nasib keluarga itu di laman Facebook.



JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam grad, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf/Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, Pengkhususan/Kelas Tajuk & Tajuk Keel/Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukar Bahau, JKR Negeri Selangor	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN DEWAN SERBAGUNA PEJABAT TANAH/DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN. JKR/SEL/(N)042(T)/2015	Bumiputera T1	CIDB, SPKK, PKK & UPEN Gred : G5 Kategori : B Pengkhususan : B04	Bahagian Kontak & Ukar Bahau, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor 28/09/2015 (Isnin) Sehingga 12/10/2015 (Isnin)	RM300.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/Wang Pos) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor Pada: 19/10/2015 (Isnin) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.	Bahagian Kontak & Ukar Bahau, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 19/10/2015 (Isnin) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.

Lawatan Tapak Digalakkan. Sebarang pertanyaan hubungi Bahagian Kontrak Dan Ukar Bahau, JKR Negeri Selangor. No. Tel: 03-55447753

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya penama yang tercatat di dalam sijil PKK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan.

Dokumen Meja Tender boleh disamak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayeran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draft bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontrak yang sah sahaja. Untuk maksud ni, wakil kontrak dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendafutan Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerasian yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Sijil Tarif Bumiputra yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (Jika Berkenaan) berserta satu setian sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendafutan PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Tarif Bumiputra (jika berkenaan).

- *Jenis Syarikat Tempatan:
T1 - Syarikat 100% ekuiti Bumiputera milik tempatan (Warganegara)
A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengaruh, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
A2 - Syarikat Usahamasa yang diperbadankan di Malaysia dan equity asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengaruh, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

Pasukan kebangsaan jauh ketinggalan

Perlu rombakan besar

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Tahap kemampuan pasukan kebangsaan terlalu jauh ketinggalan berbanding negara Asia lain dan tanggungjawab itu perlu dipikul sepenuhnya badan induk bola sepak negara.

Bekas pemain kebangsaan, Asmawi Bakir, berkata perkara itu sudah berlarutan sejak 31 tahun dan memperlihat wajah sebenar tahap bola sepak negara susulan kekalahan besar 10-0 kepada UAE dalam pusingan kelayakan Piala Asia 2019, awal September lalu.

Katanya, pasukan kebangsaan masih tercari-cari rentak walaupun mahu melepas peringkat Asia, berbanding negara jiran lain seperti Singapura dan Thailand yang sudah maju selangkah ke hadapan.

"Itulah standard kita sebenarnya. Taraf pendedahan kita tidak cukup untuk melawan pasukan luar Asia. Kita belum mampu bersaing."

"Percayalah, itu tahap kita. Terlampau jauh ketinggalan, badan induk perlu bertanggungjawab sepenuhnya dan ia sudah lama berlarutan, sejak 31 tahun lalu," katanya di Dewan Melati, Seksyen 7, di sini, pada 19 September lalu.

Selaku panel forum 'Hala Tuju Bola Sepak Malaysia: Apa Kata Mereka?' anjuran



Lensa Anak Muda Malaysia (Lensa), beliau berkata semua pihak perlu kembali melihat peringkat akar umbi untuk mencari bakat pelapis sukan itu seperti dibentuk akademi bola sepak.

Katanya, langkah itu perlu diambil walaupun kekosongan jawatan jurulatih Harimau Malaya diisi pihak luar sambil di-

pandu pelan pembangunan bersepada.

Pada perkembangan sama, bekas pemain Selangor itu turut melahirkan keimbangan terhadap penswastaan liga tempatan yang dijangka berlaku musim depan terutama dalam soal pembayaran gaji pemain serta janji di dalam dan luar kontrak.

Bakat pemain muda terbatas

SHAH ALAM - Bekas jurulatih bola sepak kebangsaan, B Sathianathan, menyifatkan ketiadaan liga di peringkat bawah seperti yang diamalkan negara Asia lain dan Eropah juga latihan sistematis membataskan bakat pemain muda terutama di peringkat sekolah untuk mengekalkan kebolehan mereka beraksi seterusnya diangkat ke peringkat lebih tinggi.

Beliau berkata, faktor itu menyumbang kepada kegagalan bola sepak negara untuk mengetengahkan bakat baru, di samping kemudahan berlatih yang terhad terutama di peringkat persatuan bola sepak negeri.

Katanya, sikap pemain tempatan yang enggan membuat latihan tambahan berbanding pemain import juga turut menjadi faktor kemerosotan pemain.

"Kita tiada liga belia sebab pemain dipilih melalui pemilihan terbuka. Kebanyakan persatuan bola sepak tempatan tidak mempunyai kemudahan sukan yang baik dan hanya menyewa infrastruktur dari pihak luar.

"Saya tabik pasukan Johor Darul Takzim (JDT) yang mempunyai infrastruktur yang baik. Sebagai contoh ada bilik persalinan selesa, padang latihan dan bilik fisioterapi.

"Setiap pasukan sekurang-kurangnya kena ada dua padang latihan. Pemain memerlukan latihan yang kerap untuk menjadi lebih baik," katanya, di sini, di sini, pada 19 September lalu.

PMK juara Piala Bola Sepak Borneo 2015

KOTA KINABALU - Perangsang Munro Kickers (PMK) muncul juara Piala Bola Sepak Borneo 2015 apabila menewaskan Sabah Tunas Asas Bola Sepak Safa (TABS) pada penentuan sepakan penalti.

PMK yang bernaung di bawah Rangsangan Sukan Selangor (RSS) berjaya menundukkan pasukan tempatan menerusi gol penalti 1-0 dalam tambahan masa kalah mati.

Perlawanan akhir di Stadium Penampang, di sini, ditentukan melalui

sepakan penalti apabila kedua-dua pasukan terikat tanpa jaringan sehingga tamat masa penuh dan tambahan.

Penjaga gol pasukan PMK, Muhammad Aliff Aiman Mazlan, beraksi cemerlang menyelamatkan percubaan TABS, manakala pemain sayap, Yus Hafiq Iqmal Yusri menjaring gol kemenangan.

Terdahulu, mereka berjaya menumpaskan pasukan Sekolah Su-

kan SMK Datuk Peter Mojuntin Penampang dengan jaringan satu gol tanpa balas untuk muncul juara kumpulan.

Sementara itu, Jurulatih PMK, Hassnol Zamman melahirkan kegembiraan atas kemenangan pasukan itu dan berharap ia dapat dikenalkan pada masa akan datang.

"Pasukan ini terdiri daripada pemain remaja yang datang dari seluruh Selangor dengan sasaran untuk meraih kejayaan. Alhamdulillah, saya amat gembira kerana pemain berjaya mengotakannya pada perlawanan akhir," katanya.

PMK menerima tajaan RM369,230 daripada Kumpulan Perangsang Selangor Berhad, sejak 2014.

Kejohanan anjuran Borneo Sports & Adventure Holiday berlangsung selama tiga hari bermula 20 September lalu membabitkan pasukan bola sepak remaja dari Malaysia dan Indonesia.



WAKTU SOLAT SELANGOR

2 - 9 OKTOBER 2015

18 - 25 ZULHIJJAH 1436H

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
02 Jumaat	5:35	5:45	7:01	1:06	4:16	7:07	8:16
03 Sabtu	5:35	5:45	7:01	1:05	4:16	7:06	8:15
04 Ahad	5:35	5:45	7:01	1:05	4:16	7:06	8:15
05 Isnin	5:34	5:44	7:00	1:05	4:17	7:06	8:15
06 Selasa	5:34	5:44	7:00	1:04	4:17	7:05	8:14
07 Rabu	5:34	5:44	7:00	1:04	4:17	7:05	8:14
08 Khamis	5:34	5:44	7:00	104	4:17	7:04	8:14
09 Jumaat	5:33	5:43	7:00	1:03	4:17	7:04	8:13

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
02 Jumaat	5:37	5:47	7:03	1:08	4:18	7:09	8:18
03 Sabtu	5:37	5:47	7:03	1:07	4:18	7:08	8:17
04 Ahad	5:37	5:47	7:03	1:07	4:18	7:08	8:17
05 Isnin	5:36	5:46	7:02	1:07	4:19	7:08	8:17
06 Selasa	5:36	5:46	7:02	1:06	4:19	7:07	8:16
07 Rabu	5:36	5:46	7:02	1:06	4:19	7:07	8:16
08 Khamis	5:36	5:46	7:02	1:06	4:19	7:06	8:16
09 Jumaat	5:35	5:45	7:02	1:05	4:19	7:06	8:15

Tangguh acara elak kesihatan terjejas

SHAH ALAM - Penangguhan acara sukan akibat peningkatan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) wajar bagi memastikan kesihatan pemain dan penyokong tidak terjejas.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari (**gambar**), berkata perlawanan Piala Malaysia antara Selangor dan Felda United terpaksa dilangsungkan kerana berada di bawah IPU 150 seperti ditetapkan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), pada 25 September lalu.



"Pada perlawanan terakhir (Selangor) di Shah Alam, kita bermain pada IPU 128-129.

"Ada keperluan penangguhan pada masa hadapan kerana bukan sahaja orang dewasa, bahkan kanak-kanak turut hadir dan mereka juga berdepan risiko lebih besar," katanya kepada Selangor Kini.

Katanya, bacaan IPU 150 disifatkan tinggi namun pasukan terpaksa akur dengan peraturan yang sudah ditetapkan walau pun terdapat penangguhan bagi beberapa perlawanan lain.

Selangor adalah antara negeri yang mengalami masalah jerebu teruk hingga mencatatkan bacaan IPU tidak sihat selain terpaksa menangguhkan sesi persekolahan.

Amirudin menasihatkan semua persatuan sukan merancang bentuk latihan sesuai selain penjagaan pemanakan dan memperbaikkan minum air bagi mengelakkan dehidrasi.

Lantik jurulatih tempatan dan berpengalaman Kembalikan maruah negara

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Malaysia memerlukan jurulatih berpengalaman dan berilmu untuk mengangkat kembali maruah bola sepak terutama di peringkat Asia Tenggara.

Jurulatih Angkatan Tentera Malaysia (ATM), B Sathianathan secara peribadi mahu jurulatih tempatan diberi peluang menge mudi pasukan kebangsaan, namun segalanya terpulang kepada badan induk Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).

"Jurulatih memerlukan yang berpengalaman sekurang-kurangnya berusia 50 tahun ke atas. Lantik jurulatih yang sesuai sama ada tempatan atau luar. Jika pilih jurulatih luar, kita kena ada yang tempatan untuk bertindak selaku pembantu.

"Menjadi jurulatih kebangsaan bukan senang kerana harapan rakyat besar," katanya ketika men-



B Sathianathan

jadi panel dalam forum 'Hala Tuju Bola Sepak Malaysia: Apa Kata Mereka?' anjuran Lensa Anak Muda Malaysia (LENSA), pada 18 September lalu.

Sathianathan, 57, yang juga jurulatih berpengalaman dan pernah menduduki 'kerusi panas' Harimau Malaya pada tahun 2007

hingga 2009, berkata negara belum ketandusan bakat dalam bidang kejurulatihan kerana mempunyai 269 jurulatih Lesen A.

Katanya, terdapat hampir 70 peratus jurulatih muda berkebolehan, namun tidak banyak perubahan sistem permainan sejak tahun 90-an tetapi kemahiran dan kebolehan bermain mampu membezakan kualiti seseorang pemain.

"Dalam bola sepak, kemahiran adalah aksi di bawah tekanan. Kita tengok (Lionel) Messi, walaupun bertubuh kecil tapi hebat mengawal bola kerana mempunyai kelajuan berfikir di atas padang.

"Sebab itu, beliau mampu membawa Argentina beraksi di Piala Dunia sama seperti Cristiano Ronaldo (Portugal). Kita masih belum ada pemain seperti itu," katanya yang juga Presiden Persatuan Jurulatih Bola Sepak Malaysia.



Gambar oleh Remy Affin

SEDA... Peserta pelbagai lapisan umur mengambil bahagian dalam Sijangkang Fun Run 1st Edition anjuran Pusat Khidmat DUN Sijangkang menyaksikan reaksi positif masyarakat setempat bagi menyahut seruan Kerajaan Selangor mengamalkan gaya hidup yang sihat dan aktif. Lebih 200 peserta hadir memeriahkan program larian itu